

**DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KEDUA BELAS**  
**PENGGAL KEDUA**  
**MESYUARAT KETIGA**

---

**Shah Alam, Selasa 10 November 2009**

---

**Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi**

**YANG HADIR**

YB Tuan Teng Chang Khim (Sungai Pinang)  
**(Tuan Speaker)**

YAB Tan Sri Dato' Abdul Khalid bin Ibrahim  
PSM., DPMS., DSAP. (Ijok)  
**(Dato' Menteri Besar Selangor)**

YB Puan Teresa Kok Suh Sim (Kinrara)

YB Dato' Dr. Hasan bin Mohamed Ali  
DIMP., SMS. (Gombak Setia)

YB Tuan Haji Yaakob bin Sapari (Kota Anggerik)

YB Puan Rodziah bt. Ismail (Batu Tiga)

YB Tuan Dr Xavier Jayakumar a/l Arulanandam (Seri Andalas)

YB Puan Dr. Halimah bt. Ali (Selat Klang)

YB Tuan Iskandar bin A. Samad (Cempaka)

YB Tuan Liu Tian Khiew (Pandamaran)

YB Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

YB Puan Haniza bt. Mohamed Talha (Taman Medan)  
**(Timbalan Speaker)**

YB Tuan Dr. Shafie bin Abu Bakar (Bangi)

YB Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)

YB Tuan Mohamed Azmin bin Ali (Bukit Antarabangsa)

YB Tuan Dr. Abd. Rani bin Osman (Meru)

YB Tuan Lau Weng San (Kampung Tunku)

YB Tuan Mat Shuhaimi bin Shafie (Seri Muda)

YB Tuan Lee Kim Sin (Kajang)

YB Tuan Haji Saari bin Sungib (Hulu Kelang)

YB Tuan Dr. Ahmad Yunus bin Hairi (Sijangkang)

YB Tuan Yap Lum Chin (Balakong)

YB Tuan Muthiah a/l Maria Pillay (Bukit Melawati)

YB Tuan Dr. Mohd. Nasir bin Hashim (Kota Damansara)

YB Tuan Khasim bin Abdul Aziz (Lembah Jaya)

YB Tuan Amiruddin bin Shari (Batu Caves)

YB Tuan Edward Lee Poh Lin (Bukit Gasing)

YB Tuan Dr. Cheah Wing Yin (Damansara Utama)

YB Tuan Manoharan a/l Malayalam (Kota Alam Shah)

YB Puan Lee Ying Ha (Teratai)

YB Puan Hannah Yeoh Tseow Suan (Subang Jaya)

YB Puan Gan Pei Nei (Rawang)

YB Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad (Seri Setia)

Y. B. Dato' Seri Dr. Haji Mohamad Khir bin Toyo,  
SPMS., PJK. (Sungai Panjang)

YB Dato' Dr. Haji Mohamed Satim bin Diman,  
DSSA., KMN., ASA., PJK. (Seri Serdang)

YB Dato' Haji Abd. Rahman bin Palil,  
DSSA., KMN., AMS., AMN., PPT., PJK., JBM., (hc). (Sementa)

YB Dato' Hj. Mohd. Shamsudin bin Haji Lias,  
DPMS., SSA. (Sungai Burong)

YB Dato' Dr. Karim bin Mansor,  
DPMS., ASA., PJK. (Tanjung Sepat)

YB Dato' Amiruddin Setro, DPMS., ASA. (Jeram)

YB Dato' Ir. Muhammad Bushro bin Mat Johor  
DPMS., KMN., AMN., ASA. (Paya Jaras)

YB Tuan Hasiman bin Sidom,  
PJK. (Morib)

YB Dato' Haji Warno bin Dogol, DSIS., AMS., SMS., PJK. (Sabak)

YB Dato' Marsum bin Paing, DPMS., SSA., ASA. (Dengkil)

YB Tuan Abdul Shukur bin Idrus, KMN., SIS., ASBK. (Kuang)

YB Tuan Mohd Isa bin Abu Kasim, AMS. (Batang Kali)

YB Tuan Yap Ee Wah, PJK. (Sungai Pelek)

YB Tuan Wong Koon Mun, SMS., PJK. (Kuala Kubu Baharu)

YB Tuan Ismail bin Sani. SMS., PJK. (Dusun Tua)

YB Tuan Badrul Hisham bin Abdullah (Pelabuhan Klang)

## **TIDAK HADIR**

YB Tuan Phillip Tan Choon Swee ( Teluk Datuk)

YB Tuan Edward Lee Poh Lin (Bukit Gasing)

YB Dato' Haji Raja Ideris bin Raja Ahmad,  
DSSA., AMS., AMN., PJK. (Sungai Air Tawar)

YB Dato' Hj. Mohd. Shamsudin bin Haji Lias,  
DPMS., SSA. (Sungai Burong)

YB Dato' Subahan bin Kamal, DIMP. (Taman Templer)

YB Tuan Johan bin Abdul Aziz. JP., AMS. (Semenyih)

YB Tuan Sulaiman bin Haji Abdul Razak, SMS., PPN. (Permatang)

## **TIDAK HADIR**

Y. B. Dato' Seri Dr. Haji Mohamad Khir bin Toyo,  
SPMS., PJK. (Sungai Panjang)

**( Menjalani hukuman digantung tugas sebagai ADUN selama satu (1) tahun  
mengikut keputusan Dewan Undangan Negeri Selangor pada 15 Julai 2009 )**

YB Dato' Mohamed Idris bin Haji Abu Bakar,  
DSSA., AMS., PJK. (Hulu Bernam)

YB Dato' Haji Warno bin Dogol, DSIS., AMS., SMS., PJK. (Sabak)

YB Dato' Marsum bin Paing, DPMS., SSA., ASA. (Dengkil)

YB Tuan Mohd Isa bin Abu Kasim, AMS. (Batang Kali)

**( Menjalani hukuman digantung tugas sebagai ADUN selama enam (6) bulan  
mengikut keputusan Dewan Undangan Negeri Selangor pada 15 Julai 2009 )**

**TURUT HADIR**

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan  
Selangor, 1959)**

**YB Dato' Ramli bin Mahmud, DPMS., SMS. A.M.S  
Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor**

**YB Datin Paduka Zauyah Be binti T. Loth Khan, DPMS., DMSM., DSM., AMN.  
Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor**

**YB Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman, DSIS., SIS., AMS., AMN.  
Pegawai Kewangan Negeri Selangor**

## **PEGAWAI BERTUGAS**

Encik Mohamad Yasid bin Bidin  
**Setiausaha Bahagian (Dewan/MMKN)**

Encik Mohd. Shahrizal bin Mohd. Salleh  
**Ketua Penolong Setiausaha**

Cik Mazian bt. Manan  
**Penolong Setiausaha I**

Puan Noor Diana bt. Razali  
**Penolong Setiausaha II**

Puan Nurul Haizan bt. Hj. Rais  
**Penolong Setiausaha III**

Puan Siti Salbiah bt. Masri  
**Penolong Pegawai Tadbir**

Encik Md. Saref bin Salleh  
**BENTARA**

Puan Hajah Noridah binti Abdullah  
Cik Siti Salina bt. Muftar  
**PELAPOR PERBAHASAN**

**(Timbalan Speaker Mempengerusikan Mesyuarat)**

**SETIAUSAHA DEWAN:** *Bismillahi rahmani rahim. Assalamualaikum WBT* dan salam sejahtera. Aturan urusan mesyuarat bagi mesyuarat kedua penggal kedua persidangan dewan Negeri Selangor ke-12 dimulai dengan bacaan doa. Aturan urusan mesyuarat seterusnya pertanyaan-pertanyaan sambungan.

**I. DOA**

**PUAN SPEAKER:** *Assalamualaikum* dan salam sejahtera. Saya ingin memaklumkan bahawa saya telah menerima permohonan cuti daripada YB Kawasan Permatang untuk mengerjakan haji daripada 3 November hingga 16 Disember 2009. Pertanyaan seterusnya YB Kota Damansara.

**II. PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**YB TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM:** Puan Speaker, soalan nombor 10.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM  
(KOTA DAMANSARA)**

**TAJUK: KILANG HARAM**

10. Kota Damansara mempunyai banyak kilang haram di Kampung Baru Sri Sungai Buloh dan Kampung Baru Sri Subang. Pemutihan kilang-kilang haram ini dapat menaikkan nilai tanah dan menambahkan pendapatan Kerajaan Negeri.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Setakat manakah proses pemutihan ini berlaku di Kota Damansara?
- b) Apa yang harus dilakukan untuk melicinkan lagi proses ini?
- c) Apakah peruntukan Kerajaan Negeri untuk kerja baik pulih jalan raya dan mengatasi banjir di kawasan kampung baru ini?

**YB TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Puan Speaker. Kerajaan Negeri amat mengambil berat tentang proses pemutihan kilang-kilang tanpa kebenaran di kawasan Sungai Buloh dan Subang iaitu di bawah DUN Kota Damansara. Maklumat terkini adalah seperti yang berikut. Jumlah bincian kilang tanpa kebenaran oleh pihak Majlis Bandaraya Petaling Jaya di kawasan Sungai Buloh dan Subang 464, jumlah permohonan yang diterima oleh Pejabat Tanah Daerah Petaling 406, bilangan permohonan yang diluluskan oleh Pejabat Tanah Daerah Petaling 391, bilangan permohonan yang masih dalam proses 15, bilangan permohonan yang telah menjelaskan premium 162, jumlah kutipan untuk bayaran premium RM29,689,823.50. Jumlah yang masih belum memohon 58, jumlah yang masih belum menjelaskan premium 229 dan tempoh akhir

untuk pemilik kilang tanpa kebenaran untuk menyerahkan permohonan adalah pada 30 Jun 2010. Pentadbir tanah akan mula menghantar pemberitahuan serta peringatan mengenai tarikh akhir ini pada hujung tahun ini. Jika pemilik masih gagal memohon dalam tempoh 6 bulan ini, pentadbir tanah akan mengeluarkan notis 7A selaras dengan Kanun Tanah Negara iaitu pelanggaran syarat guna tanah. Bagi mereka yang belum menjelaskan premium tempoh masa yang diberikan adalah selama dua tahun. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri telah menambah baik pemberian insentif berbentuk diskaun bagi premium yang dijelaskan dalam tempoh 9 bulan. Tujuan ini adalah untuk memberi galakan kepada pemilik-pemilik untuk memutihkan kilang mereka. Ini seperti pemberian tawaran diskaun sebanyak 50 peratus bagi premium layak diberikan kepada mana-mana pemohon yang dapat membuktikan bahawa pihaknya telah mengemukakan permohonan pinjaman kepada bank atau mana-mana institusi kewangan dalam masa 3 bulan dari tarikh kelulusan tukar syarat diperoleh. Untuk makluman Yang Berhormat sekalian, seperti apa yang kita dapat bahawa kebanyakan kilang tanpa kebenaran di Kampung Baru Sungai Buloh ini adalah kilang perabot. Baru-baru ini Kerajaan Negeri juga mengadakan perjumpaan dengan wakil-wakil pemilik kilang daripada Kampung Baru Sungai Buloh. Mereka telah menyampaikan hasrat untuk menujuhkan sebuah bandar perabot yang baru di Selangor. Kerajaan Negeri berpendapat bahawa penubuhan bandar perabot ini merupakan salah satu cara untuk menyelesaikan masalah kilang tanpa kebenaran di kawasan ini. Kita sedang mengkaji supaya mencari sebuah kawasan yang sesuai untuk melaksanakan cadangan ini. Sekian.

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Speaker.

**YB TUAN ISMAIL BIN SANI:** Soalan tambahan Puan Speaker.

**PUAN SPEAKER:** Bangi.

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Terima kasih Puan Speaker. Soalan pemutihan kawasan kilang ini adakah dianggap dia sebagai bersifat sementara? Kerana kalau kita menganggap pemutihan sebagai sesuatu yang kekal sebenarnya kita mendapat untung yang sedikit tetapi masalah yang panjang yakni kita akan mengalami ertiannya penyusunan kawasan yang tidak teratur, masalah pencemaran dan masalah sosial. Tidakkah benda ini pihak Kerajaan mempunyai polisi dasar yang kuat atau baik untuk meletakkan perkembangan kilang ini kepada suatu sektor tersendiri yang mempunyai sistem *zoning*, penjenisan dan kemudahan infrastruktur supaya ertiinya dia betul-betul teratur. Terima kasih.

**YB TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Terima kasih YB Bangi. Saya ingin menegaskan bahawa kawasan kilang tanpa kebenaran ini, kebanyakan mereka telah mendirikan kilang mereka di atas tanah pertanian pada mungkin 10 tahun yang lalu 20 tahun yang lalu. Dan apa yang kita buat sekarang adalah kita menyatukan pemilik-pemilik kilang di kawasan tertentu dan kita muh mereka menujuhkan satu persatuan kilang tanpa kebenaran dan mula merancang kawasan mereka. Dan apa yang berlaku di kawasan kilang Kampung Baru Balakong bahawa mereka telah berjaya untuk menujuhkan satu tabung khas infrastruktur untuk kawasan tersebut dan mereka telah membina jalan dan longkang di kawasan tersebut dan apa yang kita lihat bahawa mereka amat berjaya untuk membuat rancangan baru di kawasan mereka tersebut. Jadi, tiap-tiap kawasan kilang

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Puan Speaker, saya nak tambah. Itu secara kebetulan mungkin kilang-kilang telah banyak pada satu kelompok dia boleh buat persatuan kemudian barangkali dia kurang gangguan. Bagaimana dengan kilang-kilang yang berada di tengah-tengah kediaman di sana-sini? Ini saya ingat pemutihan pun kalau dilakukan adalah

bersifat sementara kerana dia mengganggu dari segi kawasan kediaman, infrastruktur, keselesaan dan masalah sosial.

**YB TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Untuk makluman YB Bangi, kebanyakan kawasan kilang ini mereka ditubuhkan lebih awal daripada kawasan perumahan. Ini masalah pertama. Yang kedua untuk kilang yang berada di kawasan perumahan, jikalau Jabatan Alam Sekitar berasa itu tidak sesuai lagi kita tidak akan membenarkan dia dihalalkan. Kita akan menyuruh mereka pindah dari kawasan itu. Sekian.

**YB TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM:** Soalan tambahan.

**PUAN SPEAKER:** Silakan Kota Damansara.

**YB TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM:** Urutan dari perkara itu, saya percaya tanah itu tanah pertanian bermaknanya ada rumah selepas itu bangunan naik. Masalahnya sambil menunggu pemutihan ini apa akan berlaku pada Kampung Baru tersebut? Kerana setakat ini dalam pengalaman kami masalah jalan, masalah jambatan, masalah banjir masih bermasalah lagi kepada kami kerana pemutihan belum berjalan dengan lancar. Kota Damansara ingin tahu berapa cepatnya dapat pemutihan ini dapat berlaku di kawasan Kota Damansara? Terima kasih.

**YB TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Untuk makluman YB Kota Damansara, di kawasan Kampung Baru Sungai Buloh ini merupakan satu kawasan yang amat unik kerana kawasan sana terdapat terlalu banyak kilang tanpa kebenaran dan apa yang kita buat sekarang kita ada dua cara. Satu cara kita tengah berbincang apa yang saya maklumkan tadi kita sudah berbincang dengan pemilik-pemilik kilang kat sana kebanyakannya mereka adalah kilang perabot dan kita Kerajaan Negeri berhasrat untuk bekerjasama dengan pemilik-pemilik kilang supaya kita mengadakan satu tempat baru untuk mereka. Ini cara satu. Yang kedua, kawasan itu telah dizonkan sebagai kawasan industri yang kita juga memberi galakan kepada pemilik-pemilik tanah dan juga pemilik-pemilik kilang supaya mereka boleh bekerjasama dengan Kerajaan Negeri untuk membuat permohonan di bawah Kerajaan supaya membuat permohonan tukar syarat untuk tanah mereka dan kita telah memberikan insentif sebab apa yang saya maklumkan tadi bahawa kita menambah baik insentif tersebut bahawa apabila kerana kebanyakannya pemilik kilang ini mereka telah mendapatkan kelulusan daripada pejabat tanah tetapi apabila mereka membuat pinjaman kepada bank, apabila mereka mendapat kelulusan pinjaman daripada pihak bank tetapi 3 bulan insentif untuk diskaun 50 peratus itu telah berlalu. Sekarang kita hanya mahu mereka membuktikan bahawa mereka telah membuat pinjaman bank dalam masa 3 bulan dan mereka akan terus mendapat diskaun 50 peratus walaupun mereka sudah berlalu 3 bulan.

**YB TUAN ISMAIL BIN SANI:** Soalan tambahan speaker. Sebelah kiri, Dusun Tua.

**PUAN SPEAKER:** Ya, silakan Dusun Tua.

**YB TUAN ISMAIL BIN SANI:** Terima kasih Puan Speaker. Saya ingin bertanya dengan YB EXCO, adakah kilang-kilang tanpa kebenaran khususnya yang berada di pinggir-pinggir sungai termasuk dalam proses pemutihan ini? Dan kebanyakannya sungai-sungai ini mencemarkan sungai khususnya di kawasan-kawasan sungai yang menjadi tадahan bagi air minuman di kawasan kita dan sekiranya mereka ini tidak termasuk dalam proses pemutihan ini, apakah tindakan Kerajaan Negeri terhadap kilang-kilang seperti ini? Terima kasih Speaker.

**YB TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Terima kasih Yang Berhormat. Jikalau kilang itu berada di rizab sungai, kita tidak akan membenar kilang itu terus beroperasi di sana dan kia akan memberi notis supaya dia berpindah daripada kawasan itu. Itu cara kita sekarang menangani masalah ini.

**PUAN SPEAKER:** Baik. Taman Templer.

**YB TUAN HASIMAN BIN SIDOM:** Puan Speaker, peraturan 24(2) soalan nombor 11 menjadi soalan saya.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATO' SUBAHAN BIN KAMAL  
(TAMAN TEMPLER)**

**TAJUK: PERKEMBANGAN PERDAGANGAN DI NEGERI SELANGOR**

11. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :
  - a) Mohon nyatakan jumlah perdagangan negeri Selangor di luar negara bagi tahun 2008. Sila nyatakan butiran.
  - b) Mohon nyatakan 10 negara terbesar yang menjadi rakan dagang Negeri Selangor.
  - c) Mohon nyatakan strategi kerajaan untuk meningkatkan jumlah perdagangan di Negeri Selangor bagi tahun 2009.
  - d) Apakah jumlah kos perbelanjaan yang terpaksa digunakan untuk meningkatkan dan mempromosikan perdagangan di negeri Selangor bagi tahun 2009.

**YB PUAN TERESA KOK SUH SIM:** Ya. Terima kasih Yang Berhormat. Mengenai soalan Yang Berhormat adalah mengenai jumlah perdagangan di Negeri Selangor di luar negara bagi tahun 2008. Yang Berhormat ingin tanya jumlah perdagangan. Negeri Selangor merupakan penyumbang terbesar perdagangan di Malaysia di mana urus niaga perdagangan ini melalui Pelabuhan Klang dan Lapangan Terbang Antarabangsa KLIA. Walau bagaimanapun, maklumat yang diperoleh daripada Malaysia *External Trade Development Corporation* ataupun Matrade hanya mempunyai butiran jumlah perdagangan bagi Malaysia dan tiada pecahan butiran mengikut negeri.

Sehubungan dengan itu, jumlah perdagangan Malaysia pada tahun 2008, berjumlah RM1.185 trilion dengan jumlah eksport sebanyak RM663.51 bilion melebihi dari jumlah import sebanyak RM521.5 bilion yang menghasilkan lebihan dagangan sebanyak RM142.01 bilion. Aa.. Soalan YB mengenai, yang ingin kerajaan menyatakan 10 negara terbesar yang menjadi rakan dagang negeri Selangor, jadi di sini, bagi eksport tahun 2008, aa.. yang 10 negara terbesar, jadi saya akan sebutkan negara bersama nilai eksport :

Negara	Nilai import (RM bilion)
China	66.85
Singapura	65.30

Amerika Syarikat	56.45
Thailand	29.27
Taiwan	25.09
Korea	24.22
Indonesia	24.19
Jerman	22.47
Hong Kong	13.60
Singapura	97.77
Amerika Syarikat	82.74
Jepun	71.79
China	63.21

Ini adalah sumber daripada MATRADE. Mengenai import pula pada tahun 2008, aa.. yang pertama ialah negeri China yang nilai importnya ialah :

Singapura	97.77
Amerika Syarikat	82.74
Jepun	71.79
China	63.21
Thailand	31.75
Hong kong	28.33
Korea	25.88
India	24.73
Australia	24.41
Netherlands	23.44

Mengenai soalan yang tanya tentang strategi kerajaan untuk meningkatkan jumlah perdagangan di negeri Selangor bagi tahun 2008, jadi sini saya ingin jawab bahawa negeri Selangor sedar bahawa jumlah perdagangan meningkat dari tahun ke tahun. Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri telah dan akan terus melaksanakan beberapa strategi pada tahun 2009 agar prestasi ini dapat dipertahankan. Strategi yang dirancang ialah , no.1 :

- i. Mempromosikan kawasan-kawasan tertentu seperti Pulau Indah sebagai kawasan aktiviti perdagangan atau *trading hub*;
- ii. Program yang berorientasikan *Business networking* atau program temu suai perniagaan akan terus dilaksanakan dari masa ke semasa;
- iii. Mengajurkan misi lawatan penggalakan pelaburan dan perdagangan ke luar negara yang berpotensi; dan
- iv. Penyertaan syarikat-syarikat dari Selangor dalam pameran-pameran yang dianjurkan di dalam dan luar negara.

Sekian, terima kasih.

**PUAN SPEAKER:** Tiada soalan tambahan.

**PUAN SPEAKER:** Kita minta YB Kuala Kubu Baharu.

**YB TUAN WONG KOON MUN:** Puan Speaker, soalan no.12.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**  
**Y.B. TUAN WONG KOON MUN**  
**( KUALA KUBU BHARU )**

**TAJUK: ORANG KURANG UPAYA (OKU)**

12. Kerajaan Negeri ada bercadang untuk telah menubuhkan sekretariat bagi menguruskan OKU

Bertanya kepada Y..AB. Dato' Menteri Besar :-

- a) Sudahkan sekretariat ini ditubuhkan dan apakah matlamat utama penubuhannya?
- b) Berapakah bajet yang diperuntukkan untuk sekretariat ini dan apakah program-program yang bakal dilaksanakan?

**YB PUAN RODZIAH BT ISMAIL:** Puan Speaker dan ahli dewan sekalian, aa...bagi menjawab soalan, sudahkah sekretariat OKU ditubuhkan dan apakah matlamat utama pertubuhannya.? Saya ingin menjawab bahawa kerajaan negeri Selangor , walau pun merupakan kerajaan yang prihatin terhadap orang kurang upaya ataupun sekarang ini disebut Orang Kelainan Upaya tetapi kita tidak, tidak menubuhkan sekretariat ini kerana memandangkan sebenarnya pada tahun ini kerajaan persekutuan telah pun mengumumkan jabatan OKU. Tapi malangnya, jabatan ini tidak ditubuhkan di peringkat negeri , jadi oleh itu, walau bagaimana pun, aaa..penubuhan sekretariat secara tidak rasmi ataupun pengurusan kepada Orang Kurang Upaya ini, dibuat di bawah jabatan ataupun jawatankuasa tetap kebajikan bersama-sama dengan jabatan kebajikan masyarakat dan Lembaga Zakat. Oleh itu, matlamat utama penubuhannya sebenarnya adalah kalau saya maklum daripada jabatan OKU, penubuhannya sebagaimana aa... jabatan hal ehwal orang asli. Maknanya ia ingin diuruskan secara tersendiri bagi melihat secara terus,aaa...keperluan-keperluan yang patut diberi kepada orang OKU. Tapi oleh itu, saya ingin menjawab bahawa secara rasminya tidak ada, penubuhan sekretariat di peringkat negeri Selangor. Walau bagaimana pun, bagi soalan no. 2, berapakah bajet yang diperuntukkan dan apakah program-program yang bakal dilaksanakan. Untuk makluman ahli dewan, bajet peruntukan khas tidak ada tetapi banyak program-program yang telah kita laksanakan di antaranya program-program yang dilaksanakan adalah di peringkat negeri, kita,aa...jawatankuasa tetap kebajikan bersama KJM telah pun melaksanakan satu program seminar mengenai Selangor ke arah bebas halangan OKU bersama dengan PBT sekali yang boleh membolehkan semua audit untuk melihat semua bangunan dan juga semua aa...pembangunan di semua PBT boleh akses untuk orang kurang upaya atau pun kelainan upaya. Dan dimaklumkan juga, bahawa kerajaan negeri telah pun melancarkan sticker ataupun pelekat standard kepada semua orang kurang upaya yang telah mendaftar di bawah JKM di mana pelekat standard ini boleh didapati di semua , di semua, apa ni,...PBT di mana kalau dulunya setiap PBT mengeluarkan pelekat yang berasingan tetapi sekarang ini pelekat itu adalah standard dan boleh digunakan di mana-mana kawasan di seluruh Selangor. Jadi tidak perlu mempunyai pelekat yang banyak. Dan akhirnya untuk makluman Ahli Dewan, di peringkat jabatan kebajikan masyarakat juga kita juga telah mengeluarkan beberapa jenis bantuan secara bulanan iaitu bantuan alat tiruan atau alat sokongan kepada OKU yang tidak berkemampuan

membeli peralatan sokongan yang disyorkan. Untuk itu elaun pekerja, ataupun bantuan alat tiruan ini telah dikeluarkan jumlah penerimanya sebanyak 133 orang yang melibatkan 357,824.00. Begitu juga geran pelancaran, iaitu bantuan kewangan kepada OKU yang berpotensi untuk maju dalam bidang perniagaan kecil-kecilan serta sebagai galakan kepada OKU untuk hidup berdikari. Maknanya had maksimum yang diberikan 2700 dengan seliaan selama 3 bulan. Untuk ini kerajaan telah pun mengeluarkan, mmm...sebanyak 250 orang yang dapat menerima manfaat in dan sebanyak 1,116,943.00 telah dikeluarkan. Untuk elaun pekerja cacat atau EPC itu bertujuan menggalakkan OKU bekerja dan terus berdikari sebagai penyelenggaraan pendapatan . Ini juga adalah untuk insentif untuk menjadikan OKU terlibat dalam bekerja di dalam masyarakat. Begitu juga yang ke 4, bantuan OKU tidak bekerja, mulai tahun ini, setiap OKU yang tidak bekerja, elaun bulanan diberikan sebanyak seribu lima, aa..150 ringgit bulanan dan bagi OKU yang terlantar kerajaan telah pun mengeluarkan sebanyak 300 ringgit sebulan pada setiap OKU. selain daripada itu, untuk tidak aa...meninggalkan orang kelainan upaya ini, skim usia emas, yang dulunya hanya dikhuluskan kepada warga emas, sekarang ini dipanjangkan kepada OKU yang telah mendaftar. Jadi manfaat 2500 itu, juga sekarang ini telah didapati kepada warga emas, ee.. semua OKU. Sekian, Puan Speaker.

**PUAN SPEAKER:** Sekinchan.

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih Puan Speaker. Soalan tambahan. Bolehkah YB Exco aa...bagi tahu kenapa dalam soal kita membantu menjalankan tanggungjawab, membantu kebajikan orang kelainan upaya ini (OKU), wujud perbezaan. Kenapa wujud perbezaan di antara negeri dengan persekutuan. Kenapa pihak persekutuan tidak mahu bekerjasama dengan pihak negeri untuk mewujudkan sekretariat untuk sama-sama kita menolong OKU ini. Sila kan bagi jawapan.

**YB PUAN RODZIAH BT ISMAIL:** Untuk makluman Sekinchan, saya pun tidak ada jawapan yang sebenarnya lah. Tetapi apa yang saya dapat bahawa sekarang ini memang bagi saya yang menguruskan masalah hal ehwal kebajikan sedang menghadapi masalah di antara perkongsian atau pun bagaimana untuk memberikan manfaat yang terbaik kepada OKU. Sekarang ini yang dimaklumkan kepada pihak saya bahawa 11 bentuk bantuan yang diberikan, 7 bantuan itu adalah daripada persekutuan. Dan 4 bantuan ini adalah dikeluarkan daripada kerajaan negeri. Oleh itu di mana 7 bantuan ini bagi, bagi pihak kerajaan persekutuan, kerajaan negeri tidak boleh ambil tahu. Sama ada memberi, sama ada ia nya diberikan ke, ataupun diluluskan atau tidak diluluskan itu adalah di bawah tanggungjawab kerajaan persekutuan. Dan akhir-akhir ini juga saya dapat banyak program-program penyampaian, manfaat kepada sama ada OKU ataupun mereka yang menerima kebajikan ini juga, tidak dimaklumkan kepada kerajaan negeri. Jadi itu, saya rasa , pihak , mungkin aa...Antarabangsa atau pun Kinrara boleh bawa isu ini kepada pihak federal, kenapa perkara ini boleh wujud. Tetapi bagi saya , kita kerajaan negeri masih serius, kita tidak membezakan sama ada ianya ada daripada *location* kerajaan negeri ataupun pusat. Kerana bagi kita, setiap yang mampu ataupun berhak menerima sepatutnya diberikan. Sekian.

**YB TUAN HASIMAN BIN SIDOM:** Soalan Tambahan. Soalan Tambahan..

**PUAN SPEAKER:** Morib.

**YB TUAN HASIMAN BIN SIDOM:** Aa... berapakah jumlah peruntukan di bawah program E-cari yang disalurkan kepada JKM negeri yang diterima dalam menyalurkan 7 perkara yang disebut EXCO tadi.

**YB PUAN RODZIAH BT ISMAIL:** Itu saya tidak ada dalam tangan. Sebab, saya mohon notis untuk diberikan jawapan tetapi untuk makluman aa...Morib, jumlah kerajaan, jumlah yang telah diperuntukkan di bawah kerajaan persekutuan, di bawah 5 perkara yang berhubung dengan OKU tadi sahaja ianya berjumlah sebanyak 12,376,167.00.

**YB TUAN ISMAIL BIN SANI:** Soalan tambahan Puan Speaker.

**PUAN SPEAKER:** Paya Jaras

**YB DATO' IR. MUHAMMAD BUSHRO BIN MAT JOHOR:** Puan Speaker, soalan no. 13

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB DATO' MUHAMMAD BUSHRO BIN MAT JOHOR  
(PAYA JARAS)**

**TAJUK: BAITULMAL**

13. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:-
  - a) Bagaimakah prestasi Baitulmal Selangor dalam menguruskan harta masyarakat Islam kini?
  - b) Apakah ada cara yang sesuai dan menepati syarak agar hasil dari Baitulmal boleh digunakan untuk membiayai pembangunan negeri?

**YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI:** Puan Speaker, terima kasih Paya Jaras. Paya jaras menanyakan persoalan bagaimana kah prestasi Baitulmal Selangor dalam menguruskan harta masyarakat Islam kini , b. Apakah ada acara yang sesuai bagi menjadi, menepati syarak agar hasil dari baitulmal boleh digunakan bagi pembiayaan pembangunan negeri. Puan Speaker, saya ingin memberitahu dewan ini bahawa dari segi rating, ataupun prestasi yang ditunjukkan oleh MAIS, kita merasakan daripada anugerah-anugerah yang diperoleh oleh MAIS, menunjukkan MAIS bukan sahaja institusi yang terulung di negara ini bahkan, dari segi mentadbirkan harta-harta yang termasuk dalam pentadbiran Baitulmal, agaknya yang terbaik di dunia di sebelah sini. Jadi sebab itu MAIS telah pun dikurniakan dengan anugerah-anugerah seperti anugerah 4 bintang ya, 4 bintang dalam indeks akauntabiliti daripada Jabatan Audit Negara , kemudian tu MAIS juga dianugerahkan dengan anugerah sijil bersih bagi penyata kewangan tahunan MAIS selama 11 tahun berturut-turut. Dan kemudian, pada tahun 2008 dan 2009, Paya Jaras ya MAIS telah berjaya mengekalkan tanpa NCR (*Non-confirmation reports*) sijil ISO semasa Audit *Surveillance* yang dikeluarkan oleh SIRIM. Pada masa yang sama, MAIS juga telah menunjukkan prestasi yang baik dari segi pengurusannya dan dengan beberapa projek-projek yang dijalankan untuk kebaikan, untuk pembangunan umat Islam termasuklah di dalamnya seperti Pusat Dialisis LZ, Lembaga Zakat Selangor, perpustakaan wakaf, Kompleks Pendidikan Anak-anak Asnaf di Perepat Klang dan Pusat Latihan Asnaf di Ulu Yam. Pada masa yang sama juga Paya Jaras ya, MAIS juga telah menguruskan dana wakaf dengan menyumbang kepada pembangunan masjid, surau , sekolah dan kemudahan awam yang lain. Tanah-tanah wakaf pula dibangunkan untuk kemudahan dan kebajikan seperti Pondok Warga Emas di Petaling Jaya, sekolah di Pulau Indah, rumah anak yatim di Kajang dan rumah asnaf di Meru. Kemudian tu, pengurusan dana zakat yang ditadbir oleh Lembaga Zakat Selangor juga telah dapat mengekalkan prestasi yang baik di mana Lembaga Zakat Selangor sering dijadikan

sebagai tanda aras oleh Majlis-majlis Agama yang lain di Malaysia ini untuk mengukur kejayaan dan kegagalan mereka.

Ada pun soalan (b) bahawa Majlis Fatwa Negeri, apa pun soalan itu untuk kita meminta supaya MAIS, segala pungutan hasil MAIS itu digunakan untuk pembangunan negeri perlulah mendapat pertimbangan daripada Lembaga Majlis-majlis Zakat, Majlis Fatwa Negeri Selangor dan untuk itu kita memikirkan oleh kerana ia bersangkut dengan rukun syarak dan sebagainya perlulah kajian yang teliti yang perlu dibuat. Walau macam mana pun, saya ingin menyatakan di sini Puan Speaker, bahawa Lembaga Zakat Negeri Selangor telah pun memberikan bantuan yang begitu banyak kepada Asnaf, 8 Asnaf tersebut dan terutamanya kepada fakir miskin, anak yatim, kepada *scholarship-scholarship* dan sebagainya juga pengurusan masyarakat miskin seperti membina rumah orang miskin, memberikan biayaan kepada mereka, persekolahan kepada anak-anak mereka, di samping juga kepada yang betul-betul miskin telah diberikan bantuan bulanan dalam bentuk biayaan makanan bahan-bahan makanan yang disalurkan kepada penduduk miskin. Selain daripada itu, saya ingin menyatakan bahawa Lembaga Zakat Negeri Selangor, Puan Speaker, adalah di antara pentadbiran negeri yang telah dibuat secara korporat kerana kita ditadbir dan dikepalai oleh orang-orang yang faham tentang pengurusan korporat dan sebab itu kita merasakan Insya-Allah dalam tahun-tahun yang akan datang bukan saja pungutannya akan meningkat tetapi pembiayaannya penggunaan dananya pun akan menyeluruh dan akan membantu Kerajaan Negeri Selangor ini dalam membangunkan negeri ini Insya-Allah. Terima kasih.

**PUAN SPEAKER:** Paya Jaras.

**YB DATO' IR. MUHAMMAD BUSHRO BIN MAT JOHOR:** Puan Speaker, terima kasih. Saya ingin bertanya, Paya Jaras ingin bertanya bolehkah dapat pecahan jumlah yang diberikan kepada 8 Asnaf terutamanya dan juga Paya Jaras ingin bertanya adakah selain daripada kita beri kepada 8 Asnaf dan pembangunan Islam diberi kepada pihak-pihak yang lain. Sekian.

**YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI:** Itu Puan Speaker yang detail mengenai tentang perincian, tentang pengagihan itu ataupun kutipan pengagihan saya minta maaf tidak dapat berikan dan kita akan berikan secara bertulis kepada Paya Jaras. Begitu juga tentang pembiayaan ataupun pengagihan daripada hasil yang dipungut kepada siapa yang dibelanjakan 8 Asnaf itu bagaimana pembagiannya dan yang juga yang tidak yang lain-lain untuk pembangunan keseluruhan masyarakat di Negeri Selangor ini itu pun akan diberikan secara bertulis. Terima kasih.

**PUAN SPEAKER:** Silakan Bangi.

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Terima kasih Puan Speaker. Saya ingat ada sedikit kekeliruanlah sebelum soalanlah antara Baitulmal dengan zakat. Zakat memang ada hubungan dengan orang Islam, harta itu digunakan untuk orang Islam tetapi Baitulmal ini bermakna harta negara, ia rumah harta. Jadi rumah harta sebenarnya harta-harta yang boleh di himpun, dari derma, harta tanpa waris, orang meninggal banyak harta tak ada waris di himpun di negara, orang nak buat kebajikan untuk semua, orang nak hadiah pelajaran sesiapa saja yang berjaya dia nak bagi so ini harta terhimpun dalam negara oleh sesiapa saja. So saya ingat kita perlu bezakan di antara harta zakat dan Baitulmal. Baitulmal ini seharusnya dapat dikongsi oleh semua masyarakat yang ada di dalam sebuah negara khususnya kita di Malaysia, banyak kaum jadi mungkin ada antara mereka ada yang derma .....

**PUAN SPEAKER:** Bangi.....Bangi.....Bangi ini menjelaskan ke atau nak tanya soalan...?

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Tidak saya nak tanya, saya nak tanya soalan, sepatutnya konsep Baitulmal ini terbuka kepada semua masyarakat tidakkah sepatutnya sedemikian supaya semua masyarakat dapat menggunakan, semua masyarakat dapat menderma, kita dapat himpukan harta yang tak ada waris, kebajikan, orang beri untuk pelajaran, kita himpukan dia amanah negara, Baitulmal itu disebut kebetulan berkembang di negeri Islam sahaja, dia guna istilah Islam saja tapi maksudnya ialah untuk negara. Jadi sesuai pada kita terbuka kepada semua rakyat dan semua siapa saja yang nak menderma sebagai harta negara. Tidak ada kaitan dengan konsep agama dan sebagainya. Zakat ok. Terima kasih.

**YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI:** Terima kasih Bangi. Untuk pengetahuan Bangi inilah sebenarnya yang dilakukan oleh Baitulmal. Pendapatan Baitulmal adalah terhad sebab pendapatan Baitulmal datangnya daripada hasil-hasil sewaan, daripada faraid, daripada syubhah, wang-wang syubhah dan pulangan daripada projek-projek pembangunan hartanah dan sumbangan daripada masyarakat. Hasil ini sangat terhad dan oleh kerana terhadnya hasil Baitulmal dalam konteks yang ini dalam bentuk yang ini maka dia hasil ini hanya digunakan untuk menampung perbelanjaan mengurus operasi dan pembangunan majlis itu sahaja. Selain daripada itu...

**YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Saya nak ganggu sedikit. Terhadnya oleh kerana kita terhadnya orang dari segi orang yang layak mengeluarkan Baitulmal tetapi kalau kita open untuk semua masyarakat, barangkali banyak yang ingin menderma untuk negara untuk kebajikan untuk berbagai-bagai kepentingan negara. Jadi kalau dibuka tidak dikaitkan dengan agama bidang ini sesuatu bidang yang baik untuk kepentingan berbagai-bagai bidang.

**YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI:** Saya mencadangkan supaya perkara ini diteliti dan saya minta Bangi pun nanti kalau misalnya dalam penelitian dibuat salah seorang anggota tunggak kepada Lembaga Penelitian itu, Insya-Allah. Terima kasih.

**YB TUAN HASIMAN BIN SIDOM:** Puan Speaker, Puan Speaker...

**PUAN SPEAKER:** Seri Setia.

**YB TUAN HASIMAN BIN SIDOM:** Wah....langsung tak beri peluanglah daripada semalam Puan Speaker.

**YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD:** Puan Speaker, soalan No 14.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD  
(SERI SETIA)**

**TAJUK: RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM**

14. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- Apakah prosedur dan langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan Negeri Selangor di dalam berhadapan dengan masalah rumah ibadat bukan Islam yang dibina secara haram?

- b) Apakah langkah yang diambil pihak kerajaan dalam memastikan rumah ibadat bukan Islam didirikan secara lebih tersusun dan lebih mesra kepada masyarakat bukan Islam?

**PUAN SPEAKER:** Jangan pertikaikan keputusan saya.

**YB TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Puan Speaker, kerajaan negeri telah membuat keputusan di dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri ke 18/2008 yang telah diadakan pada 9 Julai 2008 memaklumkan bahawa semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) akan mengenakan kompaun/bayaran kepada pemilik-pemilik rumah ibadat yang dibina secara haram dan bayaran kompaun ini perlu dijelaskan secara berterusan sehingga pemilik-pemilik rumah ibadat tersebut memohon untuk mendapatkan pengiktirafan kerajaan. Selain itu, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri juga bersetuju supaya semua PBT mengambil tindakan tegas ke atas mana-mana struktur yang baru dibina tanpa kebenaran dan surau atau masjid juga tidak terkecuali daripada tindakan ini. Walau bagaimanapun, bagi sebarang tindakan perobohan perlu dirujuk kepada Kerajaan Negeri terlebih dahulu.

Bagi memastikan rumah-rumah ibadat bukan Islam didirikan secara lebih tersusun dan mesra kepada masyarakat Islam, Jabatan Perancang Bandar dan Desa (JPBD) telah menetapkan di dalam Garis Panduan dan Piawaian Perancangan Negeri Selangor seperti berikut :-

- i) Setiap projek pembangunan di sesuatu kawasan dengan majoriti penduduk seramai 2600 bukan Islam atau 5000 penduduk secara keseluruhannya perlu disediakan satu tapak sebagai rizab simpanan keagamaan bagi tujuan pembinaan rumah ibadat.
- ii) Jika pembinaan rumah ibadat bukan Islam hendak dibina di dalam kawasan di mana majoriti masyarakatnya bukan penganut agama berkenaan, maka notis hendaklah disampaikan kepada jiran-jiran bersebelahan sekurang-kurangnya 40 buah rumah untuk mendapatkan pandangan sebelum ianya diluluskan.
- iii) Lokasi rumah ibadat tersebut hendaklah didirikan di tengah-tengah kelompok masyarakat berkenaan.
- iv) Reka bentuk bangunan keagamaan tersebut hendaklah bersesuaian dan berpadanan dengan kawasan sekitarnya.
- v) Penyediaan zon pemisah adalah perlu bagi memisahkan bangunan keagamaan bukan Islam dengan kediaman masyarakat Islam sekurang-kurangnya 50 meter.
- vi) Reka bentuk bangunan keagamaan bukan Islam tidak dibenarkan mempunyai unsur-unsur penonjolan imej yang boleh menimbulkan sensitiviti kepada masyarakat persekitaran.
- vii) Saiz dan ketinggian bangunan atau arca tidak boleh melebihi ketinggian bangunan sedia ada di dalam sesuatu kawasan.

Selain daripada itu, Kerajaan Negeri juga telah menetapkan garis panduan berhubung pembinaan rumah ibadat selain Islam di mana, tapak rumah-rumah ibadat tersebut tidak boleh didirikan di sekitar loji kumbahan atau pencawang TNB. Rumah-rumah ibadat tersebut juga tidak boleh didirikan di atas kawasan lapang.

**PUAN SPEAKER:** Kota Alam Shah.

**YB TUAN M. MANOHARAN A/L MALAYALAM:** Terima kasih Puan Speaker, soalan saya No. 15.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN M. MANOHARAN  
(KOTA ALAM SHAH)**

**TAJUK: PELABURAN DARIPADA LUAR NEGARA**

15. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :
- Berapakah jumlah kemasukan pelaburan baru dari Luar Negara semenjak Kerajaan Pakatan Rakyat mengambil alih tumpuk pimpinan daripada Kerajaan Barisan Nasional?
  - Apakah nama negara-negara yang membuat pelaburan baru di Negeri Selangor sejak 8hb Mac, 2008?
  - Di manakah pusat tumpuan atau kawasan-kawasan di dalam Negeri Selangor ini dipilih oleh para pelabur dari negara luar membuat pelaburan mereka?

**YB PUAN TERESA KOK SUH SIM:** Terima kasih Puan Speaker dengan Yang Berhormat. Soalan Yang Berhormat adalah yang berkenaan jumlah kemasukan pelaburan baru dari Luar Negara semenjak Kerajaan Pakatan Rakyat mengambil alih tumpuk pimpinan daripada Kerajaan Barisan Nasional. Jawapan saya ialah bagi tempoh Mac 2008 hingga Julai 2009 sebanyak 249 projek baru telah diluluskan oleh MIDA/MITI di Negeri Selangor dengan nilai pelaburan berjumlah RM7,003,320,264. Daripada jumlah ini sebanyak RM2,667,305,859 adalah daripada pelabur tempatan dan sebanyak RM4,336,014,405 daripada pelabur asing. Sebanyak 18,166 potensi peluang pekerjaan telah diwujudkan.

Bagi soalan yang mengenai negara-negara yang membuat pelaburan baru di Negeri Selangor sejak 8hb Mac 2008, senarainya panjang jadi saya hanya menyebut lima negara yang utama yang satu adalah Germany jumlah projek adalah 9, peluang pekerjaan adalah 1,153 jumlah pelaburan adalah RM2,680,573,724. Yang kedua adalah Amerika Syarikat yang mempunyai 7 projek dan menciptakan 8,416 peluang pekerjaan dan jumlah pelaburannya adalah RM2,664,836,790. Yang ketiga adalah Jepun projek yang dilaburkan adalah sebanyak 20 dan peluang pekerjaan adalah 1,405 peluang pekerjaan dan jumlah modal pelaburan adalah RM1,017,452,437 ini diikuti dengan Singapura yang mempunyai 25 projek yang mencipta peluang pekerjaan 2,345 dan jumlah modal pelaburannya adalah RM390,477,508 dan yang kelima adalah Sweden 6 projek yang mencipta peluang pekerjaan 319 dan jumlah modal pelaburan adalah RM357,425,957. Yang lain itu saya akan memberi kepada Yang Berhormat secara bertulis. Berkenaan dengan pusat tumpuan ataupun kawasan di Negeri Selangor yang dipilih oleh para pelabur dari luar negara yang senarainya juga panjang jadi saya sebut 5 sahaja. Yang nombor satu adalah Shah Alam projek 83 projek yang telah dijalankan, peluang pekerjaan adalah 4,870. Yang kedua adalah Selangor Science Park II yang projeknya 1 saja tetapi peluang pekerjaan yang dicipta adalah 808 dan yang ketiga adalah Sungai Way FTZ/Seri Setia FTZ 3 projek diadakan dan peluang pekerjaan yang dicipta adalah 8,223 peluang pekerjaan dan diikuti dengan Klang 49 projek yang peluang pekerjaan adalah 4,082 peluang pekerjaan, yang kelima adalah Pelabuhan Klang 25 projek 1,404 peluang pekerjaan.

**YB TUAN HASIMAN BIN SIDOM:** Puan Speaker, soalan tambahan.

**PUAN SPEAKER:** Silakan Morib.

**YB TUAN HASIMAN BIN SIDOM:** Berapakah pelaburan yang diterima oleh daerah Kuala Langat?.

**YB PUAN TERESA KOK SUH SIM:** Yang di sini, apa jawapan ada pada saya adalah di Olah Lempit, Kuala Langat terdapatnya dua projek peluang pekerjaan yang dicipta adalah 193 dan jumlah modal pelaburan adalah RM 67, 155,000.00.

**PUAN SPEAKER:** Sekinchan

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih Puan Speaker, soalan tambahan. Yang Berhormat EXCO sebentar tadi ada kata ada banyak kawasan tumpuan-tumpuan pelaburan ya seperti di Shah Alam, Petaling Jaya dan sebagainya. Sila nyatakan apakah langkah-langkah yang diambil Kerajaan Negeri untuk memperluaskan kawasan-kawasan tumpuan pelaburan ini khususnya di kawasan-kawasan luar Bandar. Misal kata di kawasan Sabak Bernam. Apakah ada perancangan daripada Kerajaan Negeri untuk menarik lebih ramai pelaburan ke situ. Sekian, terima kasih.

**YB PUAN TERESA KOK SUH SIM:** Kalau mengikut data yang saya ada, kita memang ada kawasan perindustrian di luar daripada Pelabuhan Klang, Shah Alam dan sebagainya. Misalnya kita lihat Sabak Bernam, di Sabak Bernam terdapatnya satu projek yang peluang pekerjaan yang dicipta adalah 33, jumlah pelaburan adalah 2,148,400.00. Jadi kalau kita lihat di kawasan luar daripada pusat Bandar tumpuan pelaburan, kita lihat di Sungai Besar misalnya, ada satu projek telah pun diadakan 66 peluang pekerjaan dan jumlah modal pelaburan adalah 9,500,000.00. Jadi ini bermaksud sebenarnya yang Negeri Selangor ini adalah tumpuan bagi pelabur asing. Jadi bukan saja kita lihat pelaburan masuk ke kawasan Klang, Shah Alam dan Petaling jaya dan sebagainya tapi juga di kilang-kilang juga ditubuhkan di luar daripada Pusat Bandar. Jadi, kalau kita lihat tentang strategi, ini juga bergantung kepada jenis pelaburan. Ada jenis sesetengah pelaburan memang tidak sesuai diletakkan di macam tempat Shah Alam, kerana harga tanah adalah terlalu mahal. Jadi bagi jenis pelaburan yang mungkin perlu sumber asli, mungkin dia perlu apa tu kelapa sawit dan sebagainya adalah lebih baik bagi kilang-kilang itu ditubuhkan di kawasan macam Sabak Bernam dan jauh daripada Pusat Bandar kerana mereka boleh dapat sumber diperlukan oleh kilang itu dengan senangnya. Jadi semua ini, saya rasa ini bergantung kepada jenis pelaburan kerana bagi pelaburan yang mereka tak perlu tempat yang besar dan mereka ia adalah untuk dihantar eksport ke Luar Negara jadi mereka seperti pelabur ini , lebih suka untuk menubuhkan kilangnya di kawasan Shah Alam, Pelabuhan Klang ataupun di sekitar Klang kerana ia adalah lebih dekat dengan pelabuhan.

**YB TUAN LEE KIM SIN:** Soalan tambahan. Puan Speaker.

**PUAN SPEAKER:** Ok, Kajang.

**YB TUAN LEE KIM SIN:** Terima kasih kepada Yang Berhormat EXCO. Soalan saya, kita nampak penjelasan tadi kita hanya secara pasif. Pelaburan yang masuk dan pilih tempat. Jadi apakah, rancangan ataupun strategi kita untuk mengezonkan kawasan-kawasan tertentu untuk perindustrian ataupun pelaburan-pelaburan asing mahupun domestik untuk industri yang tertentu pada zon tertentu dengan rancangan Kerajaan Negeri menyediakan infrastruktur kemudahan-kemudahan untuk mereka. Sekian.

**YB PUAN TERESA KOK SUH SIM:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya, ini juga bergantung dengan jenis pelaburan. Misalnya, Kerajaan Negeri dengan kerjasama Halal Development Corporation. Kita telah pun menetapkan Pulau Indah satu kawasan yang agak besar di Pulau Indah sebagai Halal Hub untuk produk halal dan juga kita telah menggariskan satu kawasan 1,200 lebih ekar di kawasan Sepang, dekat dengan Cyberjaya sebagai Selangor Science Park 2. Jadi, kita memang ada perancangan. Tetapi, kadang-kadang perancangan yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri kadang-kadang ia tidak diterima baik oleh pihak industri ataupun pelabur. Saya nak ambil satu contoh, saya ada sebut tentang Olah Lempit itu kawasan yang dulunya ia digariskan kawasan untuk kilang perabot tapi lepas kawasan itu dibuatkan ramai pelabur ataupun pengilang perabot, mereka enggan pergi pindah ke Olah Lempit, jadi tempat itu kalau kita pergi ke Sepang, pergi ke Olah Lempit sekarang. Kita lihat kawasan itu adalah bercampur-campur. Ada kilang perabot, ada kilang bermacam-macam malah ada bila saya pergi pada beberapa bulan yang lepas. Malah ada satu syarikat perubatan yang membuat ubat-ubatan, ubat ditubuhkan di Olah Lempit. Jadi, kadang-kadang kita memang ada *plan* untuk berbuat demikian tapi kadang-kadang ini berdasarkan kepada keadaan ekonomi dan juga pelaburan yang masuk ke Negeri Selangor pada sesetengah waktu. Jadi apa mungkin yang kita rancang itu kita tidak dapat mencapai objektif kita kerana kita yang *holding power* untuk syarikat khususnya syarikat, anak syarikat negeri itu tidak begitu kuat kerana kita menolak pelabur yang ingin masuk ke kawasan tertentu dan mereka telah pun melabur wang yang begitu banyak untuk membuka menerokai satu kawasan membina infrastruktur untuk ke satu kawasan perindustrian jadi akhirnya mereka akan rugi. Saya nak ambil satu contoh, macam Selangor Science Park 2, jadi yang kawasan itu memang kawasan strategik dan kita nak menarik syarikat Hi-Tech berteknologi tinggi untuk masuk sekarang Q-Sell telah pun masuk jadi kami masih cubalah untuk menjemput lebih pelaburan ataupun syarikat pelabur yang dalam jenis solar dan juga ataupun *renewable energy* untuk masuk ke Science Park 2, tapi yang kerana kawasan itu adalah strategik dan kos yang di perbelanjaan untuk membuka kawasan itu juga agak tinggi. Jadi, ia adalah paling tinggi kalau berbanding dengan kawasan yang lain, jadi bagi sesetengah syarikat, mereka pun kira, mereka rasa tempat itu agak mahal tapi bagi PKNS dan juga pihak Kerajaan Negeri. Kami masih cuba, jadi mungkin bulan yang akan datang pergi ke negara Eropah untuk menjemput syarikat yang ada berniaga dengan Q-Sell untuk datang untuk melabur dan menubuhkan kilangnya di Selangor Scince Park 2. Jadi, apa yang saya cuba katakan adalah kita memang ada perancangan tapi kadang-kadang kerana keadaan ekonomi ataupun pelaburan yang masuk itu mungkin tidak ikut apa yang kita rancang ataupun objektif asal kita. Sekian, terima kasih.

**PUAN SPEAKER:** Yang Berhormat Hulu Kelang.

**YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Puan Speaker. Soalan No. 16.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB  
(HULU KELANG)**

**TAJUK: ALAM FLORA, PEMBERSIHAN KAWASAN DAN AKTA 672**

16. Akta 672 (Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007) telah diwartakan pada 30 Ogos 2007 tetapi masih belum dikuatkuasakan:

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah langkah-langkah dan rundingan yang sedang dilakukan oleh kerajaan bagi membolehkan Kerajaan Negeri mempunyai hak yang seadilnya sekiranya akta ini dikuatkuasakan?
- b) Apakah meneruskan konsesi kepada Alam Flora bagi pengurusan sisa pepejal dan pembersihan kawasan tanpa kuasa kawalan yang mutlak di bawah Kerajaan Negeri dan PBT tidak akan menjelaskan reputasi dan prestasi kerajaan pada pandangan rakyat?
- c) Tidakkah boleh model pengurusan sisa pepejal di Jeram dan Tanjung Dua Belas di bawah kendalian langsung anak syarikat kerajaan, Worldwide Holdings Berhad, dijadikan asas untuk mengambil alih kerja-kerja yang sama daripada Alam Flora?

**YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI:** Terima kasih, Puan Speaker, Hulu Kelang. Soalan ini sebenarnya telah dibangkitkan setiap kali persidangan Dewan Undangan Negeri ni. Namun begitu saya merasakan mungkin ada perkara-perkara yang belum *updating* sebab itu, sebahagian daripada jawapan-jawapan yang saya jawab ini, telah pun sebenarnya dijawab dalam pertemuan-pertemuan yang lepas. Pertama sekali Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 ini walaupun telah diwartakan pada 30 Ogos 2007 masih belum berkuat kuasa lagi. Jadi atas sifatnya belum berkuat kuasa saya merasakan Selangor belum lagi membuat keputusan sama ada menerima atau tidak menerima pelaksanaan Akta ini. Oleh kerana tidak lagi dilaksanakan, belum lagi dilaksanakan sebab itu untuk kita merangka perancangan jangka panjang mengenai pembersihan kutipan dan pembersihan Akta ini mengkhusus kepada kutipan dan pembersihan yang *disposal* itu sistem pembuangan, pelupusan itu, itu adalah satu sektor yang lain. Jadi dalam hal mengenai kutipan dan pembersihan ini macam yang saya katakan tadi Puan Speaker untuk dibuatkan rancangan jangka panjang agak sukar sebab halangannya ialah kerana Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam ini 2007 ini belum dapat dilaksanakan dan tak nampak lagi tanda-tanda cara *defenitive* bilakah sebenarnya Akta ini dapat dilaksanakan. Sebagaimana yang saya nyatakan pada pertemuan yang lalu, pihak perbadanan dan juga jabatan yang mengawasi perkara ini telah memberikan secara sambil lalu dulu penerangan kepada Kerajaan Negeri dan saya berasaskan penerangan tersebut tidak mencukupi bagi Kerajaan Negeri membuat satu keputusan yang impaknya sangat besar, bukan saja impak kewangan tapi impak mengenai *efficiency*, mengenai produktiviti, mengenai *effectiveness*, mengenai kos dan sebagainya agaknya sangat besar impaknya dan sebab itu, kita merasakan jika sesuatu yang *defenitive* sudah dapat diletakkan mengenai Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam ini barulah saya merasakan Kerajaan Negeri dapat merangka kan sesuatu dalam jangka masa yang panjangnya. Walau macam mana pun atas permintaan daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita diminta membuat *wishlist*, *wishlist* itu ialah senarai apa yang kita perlukan dan disampaikan kepada Perbadanan dan juga kepada jabatan dan kita telah menyampaikan *wishlist* tersebut, agak panjang *wishlist* tersebut yang dilakukan oleh Pihak UPEN dan sehingga ini kita belum mendapat jawapan apa-apa lagi daripada Jabatan Perbadanan tentang *wishlist* kita kemukakan kepada mereka. Kita katakan kalau misalnya, penswastaan ini akan berlaku melalui Perbadanan yang dicadangkan ini melalui Akta ini, ini adalah di antara perkara-perkara yang *state* memohon supaya pihak berkuasa pertamanya Kerajaan Persekutuan dapat memikirkan apa yang patutnya diberikan, apa yang tidak boleh diberikan kepada Kerajaan Negeri itu yang pertama. Yang kedua tentang rasa-rasanya seperti cadangan untuk kita mengambil alih Alam Flora. Ini kita telah pun menerima sebenarnya taklimat yang agak *detail* dari pengurusan Alam Flora, MTES telah menerima taklimat tersebut dan kita dapat taklimat tersebut telah memberikan garis-garis kasar mengenai *performance* Alam Flora sejak mereka mengambil alih tugas ini daripada PBT dan kita dapat setakat ini saya mengatakan bahawa

*performance* mereka agak-agak sayalah kalau ikut daripada taklimat yang diberi itu tidaklah begitu merunsingkan kita. Di mana-mana tempat pun, ada yang bagus begitu tetapi tidak juga dinafikan terdapat kontraktor-kontraktor kita agaknya yang kurang dapat menjalankan tugas dan tanggungjawab yang menyebabkan sedikit agaknya tercalar *efficiency, effectiveness*, keberkesanannya dalam mengendalikan hal-hal mengenai-mengenai kutipan sampah dan juga pembersihan awam di kawasan-kawasan PBT tersebut. Satu lagi perkara yang perlu difikirkan Alam Flora mempunyai ikatan kontrak dengan PBT-PBT itu jadi ikatan kontrak ini sudah semestinya lah antara daripada *condition* yang ada tidak lain yang tidak bukan bahawa PBT ini harus bekerjasama dan Alam Flora pun harus bekerjasama dengan PBT-PBT tersebut dalam suasana yang saya rasa suasana yang meriah suasana yang *friendly* begitu ya. Di mana tegur-menegur dapat dibuat di mana kita dapat menerima laporan-laporan daripada Alam Flora dan pada masa yang sama apa juga masalah-masalah yang dihadapi oleh rakyat terutamanya rakyat yang mendiami kawasan – kawasan perbandaran, kawasan-kawasan Majlis Daerah dan sebagainya boleh disalurkan dan kita mempunyai *channel-channel* dapat disalurkan kepada Alam Flora untuk mengambil tindakan-tindakan bagi membaki prestasi-prestasi mereka. Sehingga ini pun, saya nampak tidak tertutup pintu itu terbuka seluas-luasnya, sama ada bagi PBT sama ada masyarakat yang diam di kawasan PBT untuk mengemukakan apa juga cadangan, pandangan dan kritik-kritik mereka dan tiap-tiap satunya, sebagaimana yang saya diberi maklum taklimat juga disampaikan kepada saya secara berkala kita dapat kritik-kritik tersebut diambil kira dan di ambil tindakan oleh Pihak Alam Flora. Walau macam mana pun, masih ada ruang lagi untuk kita memikirkan kalau betul-betul misalnya didapati atas beberapa sebab Alam Flora tidak mampu lagi menjalankan tugas dan tanggungjawab dari segi kutipan dari segi pembersihan itu maka sudah tentunya alternatif-alternatif dapat diberikan dan kerajaan Negeri tidak boleh membuat keputusan sewenang-wenang begitu saja mestilah ada kajian yang betul-betul mantap yang menyebabkan kalau ini diambil keputusan sesuatu yang akan diambil nanti benar-benar dapat mencerminkan bahawa sesuatu yang sudah difikirkan implikasinya sudah direnungkan semasaki-masaki barulah saya rasa akan berikan kebaikan kepada Kerajaan Negeri. Pada masa yang sama, sebagaimana yang disebutkan tentang *wishlist disposal* ini kita telah pun meminta Worlwide misalnya dari tempat *dumpsite* di Sungai Kertas misalnya baru saja diputuskan supaya Worlwide Holdings Berhad ditugaskan untuk menguruskan soal pemuliharaan pembersihan dan juga untuk mengendalikan secara saintifik pembersihan si kawasan-kawasan tersebut dan juga di kawasan-kawasan yang lain sehingga ini saya suka menyatakan Worlwide menunjukkan satu-satu prestasi yang sangat-sangat baik dan saya baru 2-3 hari yang lepas pergi melawat di Tanjung Dua Belas dan saya lihat persediaan-persediaan yang dilakukan oleh Worlwide Holdings sangat-sangat rapi. Hanya oleh kerana cuaca yang kurang mengizinkan di akhir-akhir ini hujan dan sebagainya dan jalan yang dibina oleh JKR itu nampaknya ada masalah-masalah kena tanah gambut dan sebagainya, lompong di sana sini maka didapati rasanya *target* untuk diserahkan kepada 1.1.2010 itu mungkin dapat direalisasikan walaupun terdapat masalah –masalah infrastruktur, masalah-masalah fizikal sebagaimana yang saya sebutkan. Apa pun sebagai penutupnya Puan Speaker kita sedang menangani masalah ini bukan hanya menangani memikirkan hanya kaji demi kaji, kaji demi kaji tetapi menangani dalam menyusuri untuk yang akan datang ini apa langkah-langkah yang terbaik, Insya-Allah satu-satu seminar yang *problem solving* sifatnya sedang dirangka mungkin dalam bulan satu yang akan datang ini dalam seminar itu kita akan memanggil wakil-wakil daripada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan mungkin beberapa pakar-pakar asing yang biasa dalam program-program pembersihan, program-program pelupusan ini akan dipanggil untuk memberikan input-input mereka supaya kita dapat serahkan kepada MTES dan kepada EXCO untuk membuat satu keputusan yang jitu mengenai permasalahan kutipan sampah, pembersihan dan akhirnya pengurusan sisa pepejal ini. Terima kasih.

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI:** Soalan tambahan.

**YB PUAN SPEAKER:** Sebelum soalan tambahan, saya ingin mengingatkan semua yang berada di dalam dewan ini untuk meletakkan telefon bimbit masing-masing dalam *mode* senyap. Kalau sekiranya ada yang tidak tahu bagaimana untuk berbuat demikian sila tinggalkan telefon bimbit anda di luar. Terima kasih. Silakan Bukit Antarabangsa.

**YB TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI:** Terima kasih Puan Speaker, terima kasih Yang Berhormat EXCO. Dalam memberikan jawapan sebentar tadi, Yang Berhormat ada menyatakan bahawa taklimat Alam Flora kepada MTES memberikan gambaran seolah-olah prestasi dan perkhidmatan Alam Flora di bawah itu tidak memberikan kerunsingan. Namun apa yang berlaku di bawah tidaklah mencerminkan jawapan yang diberikan oleh Kerajaan sebentar tadi. Sebagai contoh baru-baru ini di MPAJ, 22 kontraktor telah dikenal pasti tidak mencapai tahap prestasi yang memuaskan dalam pengendalian pembersihan dan juga sisa pepejal dalam kawasan pentadbiran MPAJ dan keputusan ini diperakukan sendiri oleh Alam Flora di peringkat daerah yang mencadangkan supaya kesemua 22 kontraktor ini dibatalkan perkhidmatan mereka dan digantikan dengan kontraktor-kontraktor baru. Apabila kontraktor baru dilantik ianya hanya dibuat dalam tempoh dua minggu sahaja kemudian ada arahan daripada pusat untuk membatalkan pelantikan 22 kontraktor baru ini dan dikembalikan kepada kontraktor yang lama, sedangkan kontraktor yang lama ini diperaku sendiri oleh Alam Flora mereka tidak dapat memberikan perkhidmatan yang terbaik. Jadi persoalan saya ialah sekiranya Kerajaan Negeri terpaksa menanggung satu kos yang begitu besar. Saya difahamkan hampar 400 juta ringgit setahun sebagai sumbangan Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Pusat kepada Alam Flora. Apakah tidak mungkin Kerajaan Negeri mengambil satu pendekatan yang lebih berani untuk meneliti semula perjanjian ini agar ianya dapat memberikan manfaat kepada rakyat Negeri Selangor dengan perkhidmatan yang terbaik kerana rata-rata aduan yang paling banyak kita dengar hari ini ialah masalah kebersihan bukan sahaja di luar bandar tetapi khususnya di kawasan-kawasan perbandaran di Negeri Selangor. Terima kasih.

**YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI:** Terima kasih ya Bukit Antarabangsa, apa yang berlaku di MPAJ itu saya fikir kemungkinan menggambarkan beberapa perkara. Saya mengatakan tadi taklimat yang diberikan oleh pihak Alam Flora taklimat keseluruhan tetapi kalau taklimat yang *detail..detail* memang adalah di sana sini. Kalau kita hendak mencari kelemahan, memang adalah kelemahan tetapi pada keseluruhannya taklimat yang diberi itu sebagai satu *company* kepada kita, *company* yang mengurus hal mengenai kutipan dan pemeriksaan ini diberikan kepada kita. Gambaran yang menyeluruh nampaknya agak saya memberangsangkan. Tapi walau macam mana pun memang adalah di sana sini di kawasan-kawasan kecuali Hulu Selangor yang tidak diliputi oleh Alam Flora memang diakui ada perkara-perkara sebagaimana yang disebut oleh Bukit Antarabangsa tadi. Jadi soal Bukit Antarabangsa menyebutkan ada arahan pusat, inilah yang sebenarnya dia menimbul sikit ada keadaan-keadaan kadang-kadang yang tidak selaras ya, Pusat pun cuba masuk campur dalam hal-hal padahal ini adalah Pentadbiran Negeri sebenarnya yang melibatkan PBT-PBT dan Alam Flora tetapi saya yakin Kerajaan Pusat masuk campur dalam hal ini mungkin ada di antara beberapa kontraktor-kontraktor itu yang agak saya mungkin kontraktor-kontraktor ini nampaknya ingin mendapatkan suatu sokongan daripada Kerajaan Pusat menyebabkan Kerajaan Pusat melibatkan diri dalam kerja-kerja seperti ini. Tapi apa pun yang saya nak menyebutkan bagaimana yang kata Bukit Antarabangsa tadi, hal ini sebenarnya ialah kita boleh..kita boleh kita boleh sebab menjurus..menjurus kepada *State* dapat mengambil langkah yang positif terus dan proaktif dalam hal ini, tapi saya mengatakan apa pun langkah yang nak diambil kita tertakluk nanti kepada akta, pengurusan sistem pepejal dan pembersihan awam yang pada keseluruhannya ialah memberi kuasa kepada Kerajaan Federal untuk mengurus hal-hal

mengenai kutipan pembersihan ini kepada Kerajaan Federal dan siapa yang akan dilantik oleh Kerajaan Federal? Sama ada Alam Flora dan mana-mana pun ini adalah dalam bidang tanggungjawab Kerajaan Federal dan kita kalau misalnya kita buat *arrangement* sekarang ini secara *definitive* seperti itu saya rasa itu mungkin nanti akan..akan..akan tidak dapat dipertahankan bila akta mengenai pengurusan sistem pepejal dan pembersihan awam ini dikuatkuasakan sebenarnya sehingga hari ini kita akan ada rasa gangguan sedikit sebab dari tahun 2007 hingga tahun 2009 ini, tak ada lagi yang definitif dari segi Kerajaan Pusat tentang pengambilalihan ini maka kita apa yang dapat kita lakukan yang pertama sekali kita dapat lakukan secara *literal* dengan pihak Alam Flora. Kami di peringkat PBT-PBT akan lakukan usaha-usaha pembaikan dengan Alam Flora dipantau oleh UPEN oleh Unit Pemantauan Ekonomi Negeri di negeri ini dan saya sebagai EXCO yang terlibat dalam..dalam hal ini juga mengambil perhatian yang serius tentang perkara ini. Pada masa yang sama Puan Speaker kita juga sedang meletakkan asas-asas yang konkret kalau misalnya pengambilalihan itu diperlukan dan sebagainya supaya asas-asas ini yang pertama tidak merugikan Kerajaan Negeri, yang kedua servis yang terbaik, yang ketiga kita hendak supaya pembangunan ini bukan sahaja akan memberi ruang dan membuka ruang kepada peniaga-peniaga terutamanya kontraktor-kontraktor dalam bidang ini kita hendak supaya perniagaan dalam bentuk yang seperti ini dapat berterusan dan menjamin supaya setiap kontraktor yang terlibat itu akan mendapat pulangan yang baik dan seterusnya menjana ekonomi di Negeri Selangor ini jadi saya fikir terima kasih kepada Bukit Antarabangsa yang telah menunjukkan kita beberapa perkara yang perlu diambil perhatian dan kepada wakil-wakil seperti Alam Flora dan sebagainya yang hadir pada hari ini bolehlah mengambil perkara-perkara *detail* sebagaimana yang disebut oleh Bukit Antarabangsa tadi. Terima kasih.

**YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Soalan tambahan.

**PUAN SPEAKER:** Silakan Hulu Klang.

**YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Ok, kes saya juga sama dengan kes MPAJ cuma saya nak dapat jawapan. Siapa yang mempunyai kata putus dalam pemilihan dan penamatan kontrak kontraktor pembersihan. Adakah MPAJ, Alam Flora atau pun EXCO yang bertanggungjawab kes spesifik dalam kes yang berlaku di MPAJ baru-baru ini.

**YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI:** Pertama sekali ini adalah perjanjian *literal* antara Alam Flora dengan MPAJ jadi maknanya tentang *provision-provision* yang ada itu memanglah tanggungjawab kedua-dua pihak, Kerajaan Negeri melalui EXCO nya hanya memantau sahaja. Jadi dalam...dalam konteks ini apa pun yang sedang berlaku yang tak salah saya MPAJ ini agak terlewat sedikit untuk diadakan perubahan itu akibat daripada *novation* itu. *Novation* maknanya benda urus niaga itu masih kekal lagi kalau kita nak bawa seluruhnya patut dibawa dalam..dalam urusan yang sedemikian. Maka sebab itu saya fikir Puan Speaker dalam hubungan ini kita memang kita memantau apa yang berlaku dan saya harap dan kita pun berharap nampaknya MPAJ dalam hubungan ini pihak Yang Dipertua Majlis Perbandaran Ampang Jaya sudah mengambil langkah-langkah yang konkret dan positif dalam perkara ini dan saya rasa perkara ini tidak akan berulang lagi dan kita Insya-Allah akan menentukan supaya perkara-perkara yang sedemikian bukan sahaja tidak berlaku kepada MPAJ tetapi tidak juga berlaku pada 11 -10 kawasan yang lain yang tidak termasuk Hulu Selangor yang tidak diliputi Alam Flora. Terima kasih.

**PUAN SPEAKER :** Yang Berhormat Sri Muda

**YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI:** Puan Speaker, soalan nombor 17.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HJ SHAFIEI  
(SRI MUDA)**

**TAJUK: HUB ILMUWAN DAN HUB PENDIDIKAN**

17. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:-
- a) Berapakah kos permulaan program ini dan kos untuk tempoh 5 tahun akan datang?
  - b) Jelaskan matlamat program ini, jumlah sasaran dan cara penglibatan semua kaum dalam menjayakannya

**YB PUAN DR. HALIMAH BT ALI:** *Assalamualaikum Warrahmatullah Hiwabarakatuh* dan selamat sejahtera. Terima kasih kepada Sri Muda. Merujuk kepada Hub Ilmuwan dan pendidikan yang ditanyakan oleh Sri Muda kos permulaan program ini seperti yang saya sebutkan semalam dan Insya-Allah ada dalam *hansard* pada hari ini tapi saya hanya menyingkatkan soalan itu, jawapan itu kepada Program Jejak Ilmuwan yang telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada tahun lepas tahun 2008 mengambil belanja Lima Ratus Ribu Ringgit, itulah kos permulaannya dan bagi yang bahagian kedua, kos untuk tempoh lima tahun yang akan datang saya akan masukkan ke dalam bahagian kedua soalan Sri Muda. Matlamat Pendidikan Negeri Selangor adalah untuk menjadikan Selangor sebagai Hub Ilmuwan dan Hub Pendidikan yang bermaksud Negeri Selangor berhasrat untuk menjadikan Selangor ini sebagai pusat tumpuan utama di dalam pendidikan dan menjadi pusat tumpuan dan rujukan para ilmuwan di Negara ini dan di peringkat antarabangsa. Justeru Kerajaan Negeri Selangor perlu terlebih dahulu membawa rakyatnya kepada satu peringkat yang membudayakan ilmu sebagai langkah asas yang utama untuk mencapai matlamat kerajaan ini. Selain itu kualiti pendidikan di semua peringkat harus diperkasakan. Ini meliputi pendidikan awal di peringkat tahun formatif yang kritikal iaitu 0-6 tahun, peringkat sekolah rendah, sekolah menengah hingga ke universiti bahkan sepanjang hayat. Sistem sokongan pendidikan termasuk pembinaan infrastruktur, perpustakaan dan program penjenamaan semula perpustakaan serta premis-premis institusi pendidikan dan juga kemudahan serta infrastruktur yang membantuan mengoptimumkan, proses pengajaran dan pembelajaran. Program-program cambah fikiran, forum, dialog, seminar yang melibatkan semua *Stake Holders* dengan izin yakni pimpinan masyarakat di setiap peringkat, golongan pendidik, penglibatan aktif cendiakawan-cendiakawan yang telah pun dilumpuhkan oleh UMNO Barisan Nasional selama ini, NGO-NGO dan aktivis masyarakat di sedar dan digerakkan untuk menyambut seruan kerajaan untuk sama bangkit melahirkan budaya ilmu. Saya nak tegaskan di sini semua program dan perancangan ini melibatkan semua kaum, yang saya sebutkan tadi adalah melibatkan semua kaum. Jadi usaha peningkatan kualiti pendidikan adalah meliputi pemantapan proses pengajaran dan pembelajaran yang *holistic* dan relevan sama ada secara formal mahu pun tidak formal. Meningkatkan literasi ICT di kalangan guru-guru kerajaan di sekolah Kerajaan Negeri, program tuisyen percuma, calon SPM 2009 kepada golongan berpendapatan kurang dari 1,500 ringgit, meningkatkan elaun-elaun guru KAFA, program motivasi pelajar, program ibu bapa, Program SPIES Pendidik, Program SPIES PIBG dan Program Jejak Ilmuwan. Bagi mempercepatkan lagi proses pencapaian matlamat ini, beberapa siri program telah dilaksanakan termasuk mewujudkan jaringan mahasiswa melalui pelbagai pertubuhan mahasiswa di IPTA dan IPTS dan pelbagai pihak yang relevan di dalam pendidikan dan lantaran itu beberapa Majlis Permuafakatan telah ditubuhkan iaitu Majlis Permuafakatan

PIBG Selangor, Majlis Permuafakatan Mahasiswa Selangor, Majlis Permuafakatan Tadika Selangor dan Majlis Permuafakatan Institusi Pendidikan Selangor sebagai usaha kreatif untuk melibatkan semua pihak yang telah dinafikan hak untuk bekerjasama secara langsung oleh Kerajaan Malaysia UMNO Barisan Nasional khususnya Kementerian Pelajaran Malaysia. Jawatankuasa Tetap dan Pendidikan Tinggi perlu menggunakan *blue ocean strategy* dengan izin memintas sekatan-sekatan tidak demokratik dan terdesak Kerajaan Persekutuan yang diterajui oleh UMNO Barisan Nasional bagi membawa pelajar-pelajar, guru-guru, ibu bapa sebagai rakyat sah Kerajaan Negeri Selangor menikmati segala perancangan dan tawaran-tawaran yang telah disusun melalui EXCO Pendidik dan Pendidikan Tinggi, contoh program tuisyen rakyat di mana kita telah berjaya memberikan tuisyen percuma pada 3,649 orang calon SPM dan kemuncak pada program tuisyen rakyat ini ialah Bengkel Perdana Teknik Menjawab Soalan SPM yang telah diadakan di Dewan Jubli Perak pada 25hb November baru-baru ini di mana ianya telah melibatkan melebihi jangkaan sasaran kita iaitu 3,500 orang daripada seluruh Selangor telah berjaya di kumpul. Program Solat Hajat Perdana yang telah diadakan di Masjid Negeri baru-baru ini juga telah melibatkan 2,500 orang daripada seluruh Selangor.

EXCO Pendidikan merancang untuk melibatkan golongan cerdik pandai daripada pelbagai lapangan, NGO-NGO, pemimpin masyarakat serta aktivis-aktivis pendidikan dan pertubuhan-pertubuhan mahasiswa serta majlis permuafakatan PIBG dan sebagainya yang saya telah sebutkan tadi untuk membincangkan atau dengan izin *deliberate* dan menghalusi dengan terperinci tentang hub ilmuwan dan hub pendidikan ini. Semua ADUN dan Ahli Parlimen Selangor sama ada daripada Pakatan Rakyat mahu pun daripada Pembangkang daripada Barisan Nasional adalah dijemput untuk berbincang tentang perkara ini. Insya-Allah kita adakan pada 29hb Disember 2009 ini. Bahkan jabatan-jabatan dan agensi-agensi kerajaan yang berkenaan seperti JKR, Jabatan Pelajaran Selangor dan Jabatan Pengairan dan Saliran Selangor, PDRM, AADK, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa dan lain-lain yang berkaitan serta GLC akan dijemput bersama untuk menyumbang kepada input juga kepada pelaksana polisi yang bakal dibentuk Insya-Allah. Jadi anggaran kos untuk menjayakan program ini untuk 5 tahun akan dibincangkan semasa sesi tersebut.

**PUAN SPEAKER:** Sri Muda

**YB TUAN MAT SUHAIMI BIN SHAFIE:** Yang Berhormat Puan Speaker, soalan tambahan. Kita semua sedia maklum bahawa terdapat halangan, kekangan sekatan-sekatan daripada Pakatan Rakyat khususnya yang berhajat untuk pergi ke sekolah-sekolah membantu ataupun memberikan sedikit sebanyak bantuan. Dan kita juga maklum bahawa selain daripada ADUN, EXCO sendiri pun tidak dapat masuk ke sekolah-sekolah. Jadi soalan saya, Apakah langkah-langkah yang boleh diambil oleh Kerajaan Negeri untuk memastikan bahawa selain daripada ADUN, EXCO kita boleh masuk dan memberikan sedikit pandangan demi kebaikan pelajar itu sendiri. Terima kasih.

**YB PUAN DR HALIMAH BT ALI:** Terima kasih kepada Sri Muda yang telah pun mengalami sendiri bagaimana beliau dinafikan haknya masuk ke sekolah yang ditimpa musibah bersama saya selaku EXCO Pendidikan. Jadi seperti yang saya sebutkan tadi, kita perlu menggunakan *blue ocean strategy* di mana *competitor* kita atau pun orang yang mahu berebut dengan kita berebut pelajar, berebut guru, berebut ibu bapa dengan kita tidak *relevant*. Sebab itulah EXCO Pendidikan telah mengambil pendekatan ini di mana mengujudkan Majlis Permuafakatan PIBG. Di mana PIG-PIBG yang berada di daerah-daerah ini kita gabungkan mereka, kita panggilkan mereka dan kita terangkan kepada mereka apakah sebenarnya hala tuju Selangor Kerajaan Pakatan Rakyat Negeri Selangor dan apakah peranan mereka dan bagaimana mereka ini boleh membantu menjadikan Selangor ini benar-benar maju, sejahtera, bersih,

selamat dan idaman semua orang berkebajikan dan semuanya. Dan ini saya telah membuatkan pilot projek ini dan telah pun berjaya dan saya tidak berapa dialu-alukan masuk ke sekolah walaupun saya telah mencuri-curi tanpa *appointment*, semasa H1N1 saya telah membawa *mask* dan telah didermakan kepada sekolah-sekolah. Alhamdulillahlah saya boleh menembusi setakat yang saya mampu dengan tidak ada *appointment* dan sebagainya dengan membawa pelbagai belia-belia kita, briged amal kita itu satu cara.

Yang keduanya ialah alhamdulillah dalam tahun 2009 ini kita telah berjaya mengumpul guru-guru sama ada sekolah menengah mahu pun sekolah rendah sama ada yang dipunyai oleh Kerajaan Negeri bahkan yang didominasi oleh Kerajaan Persekutuan untuk membuat program mencambah fikiran, memperkasakan mereka memperbaiki PNP mereka dengan kita menjemput pakar-pakar yang terkenal yang saya tidak akan sebut namanya kerana memberikan risiko kepada mereka dan mereka mahu terlibat melalui majlis permuafakatan yang saya sebutkan tadi. Begitu juga dengan mahasiswa-mahasiswa sebab saya telah berjumpa dengan pimpinan-pimpinan, sama ada MPP dan pimpinan persatuan-persatuan, pertubuhan-pertubuhan IPT-IPT di seluruh Selangor ini. Mereka juga mampu kita gemblengkan bahkan saya berbuka puasa dengan mereka bahkan ada yang daripada UTAR daripada Universiti Tengku Abdul Rahman kita mampu gemblengkan mereka dan mereka mahu bersama apabila mereka mengetahui apakah hala tuju Kerajaan Pakatan Rakyat Negeri Selangor, di mana kita ini sebenarnya memikirkan tentang keperluan mereka dan kita benar-benar mahu semua rakyat diberikan hak-hak yang sepatutnya dan mereka ini diberikan peluang untuk mencapai potensi maksima mereka sendiri. Jadi ini kita cuba Insya-Allah kita telah berjaya peringkat-peringkat awal walaupun kita melalui sekatan-sekatan, itu yang saya katakan kita kena melalui *short cut* adalah cara-cara yang mungkin tidak dijangka lagi oleh Kerajaan Persekutuan atau pun tidak dikesan lagi. Tapi insya-Allah kita sebagai kerajaan yang kreatif kita boleh melalui atau pun *over come* dengan izin sekatan-sekatan yang tidak demokratik itu.

**TUAN SPEAKER:** Sri Serdang.

**YB DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN:** Terima kasih Tuan Speaker. Barulah dapat laluan. Soalan Yang Ke 18.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATO' MOHAMAD SATIM BIN DIMAN  
(SRI SERDANG)**

**TAJUK: SETINGGAN**

18. Kerajaan Negeri ada melakukan bancian bagi mengetahui jumlah terbaru para setinggan di seluruh Negeri Selangor.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah setinggan terkini mengikut pecahan PBT-PBT?
- b) Apakah dasar dan strategi Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah setinggan-setinggan baru yang dikenal pasti?

**YB TUAN ISKANDAR BIN A. SAMAD:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan selamat pagi. *Bismillahi rahmani rahim.* Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Untuk menjawab soalan tersebut jumlah peneroka Bandar atau setinggan yang ada ditapak sekarang ini ialah 4,036 keluarga. Mengikut pecahan atau mengikut PBT atau Pihak Berkuasa Tempatan di Majlis Bandaraya Shah Alam terdapat 112, di Majlis Bandaraya Petaling Jaya ada 29 yang masih tinggal di rumah panjang. Majlis Perbandaran Subang Jaya ada 337, Majlis Perbandaran Ampang Jaya ada 315, Majlis Perbandaran Klang ada 1,385, Majlis Perbandaran Selayang ada 1,075, Majlis Perbandaran Kajang ada 256, Majlis Perbandaran Sepang 103, Majlis Daerah Kuala Selangor 331, Majlis Daerah Kuala Langat 173, Majlis Daerah Hulu Selangor 12, Majlis Daerah Sabak Bernam 8 dan jumlah besarnya adalah 436 dan 70% daripada mereka tinggal di tanah-tanah kerajaan atau seperti tanah-tanah yang diwartakan sebagai rizab JPS Jabatan Pengairan dan Saliran, rizab jalan, rizab hutan, rizab sungai. Jumlah 70% ini adalah 2,899 keluarga yang tinggal di tanah-tanah kerajaan dan selebihnya adalah di tanah-tanah swasta. Apa yang telah dilakukan oleh pihak Kerajaan Negeri adalah kita seperti mana yang diberitahu pada sidang yang lepas dan juga yang telah diberitahu semalam bahawa kita telah mengadakan kita telah mengadakan bancian, sedang melakukan bancian di atas tanah-tanah kerajaan untuk 70% yang tinggal ini dan bancian ini berakhir pada 1 Januari 2010. Mengikut perancangan kita bahawa senarai ini akan dimuktamadkan pada akhir Mac di mana ketika itu nama-nama mereka akan dipamerkan di tempat-tempat umum untuk kita mengenal pasti mereka benar-benar tinggal di tapak dan penduduk yang layak akan ditawarkan untuk membeli rumah kos rendah yang terdekat selewat-lewatnya pada akhir bulan Jun 2010 dan sagu hati juga telah kita luluskan untuk mereka yang berpindah bergantung kepada jarak perpindahan dan peruntukan maksima adalah sebanyak RM2,000 ringgit. Bagi melicinkan operasi bancian kita pada tahun ini telah mengeluarkan satu manual atau prosedur bancian yang baru. Manual ini bertujuan untuk mengatasi kelemahan-kelemahan yang ada pada operasi bancian sebelum ini. Di antara pembaharuan ialah kita memberi hak kepada penyewa yang menetap di satu kampung atau penempatan untuk jangka yang lama. Sebelum ini kadang-kadang mereka yang menyewa tidak mendapat tawaran rumah kos rendah. Oleh itu kalau mereka layak mereka akan ditawarkan rumah kos rendah. Tuan-tuan rumah atau mereka yang membina rumah di kawasan penempatan peneroka Bandar kawasan setinggan semata-mata untuk disewa tetapi mereka duduk di tempat lain, mereka ini tidak akan ditawarkan rumah kos rendah. Selain daripada itu terdapat penempatan yang telah diduduki begitu lama dan kawasan tersebut tidak ada keperluan untuk pembangunan yang pesat di kawasan itu, kerajaan sedang dalam proses untuk memberi milikan kepada penduduk.

Dari segi tanah swasta, kerajaan negeri telah mengadakan perbincangan secara berjadual di peringkat pihak berkuasa tempatan. Di dalam perbincangan ini kita turut bertemu dengan tuan-tuan tanah dan pemaju dan penyelesaian telah dibincangkan dengan mereka tentang cara yang terbaik. Di antara caranya adalah beberapa. Yang pertama adalah kita menawarkan atau memastikan bahawa pemaju ini menawarkan rumah kos rendah dengan subsidi RM7,000 dan juga yuran perpindahan maksima RM2,000. Yang kedua kita juga melihat kemampuan pemaju dan keluasan tanah dan kita mencadangkan pemaju menawarkan rumah yang lebih selesa dengan harga di bawah harga pasaran. Jadi bermakna penyelesaiannya bergantung kepada kemampuan pemaju kawasan kemajuan tidak hanya kita nak kita pemaju menawarkan rumah kos rendah tetapi juga kita mahu pemaju yang berkemampuan menawarkan rumah yang lebih selesa dengan harga di bawah harga pasaran. Contohnya di mana ada pemaju telah kita mencadangkan dan menerima bahawa mereka menawarkan penduduk rumah teres dua tingkat 18 kaki X 65 kaki yang bernilai RM150,000 ditawarkan dengan harga di bawah RM100,000.00. Yang ketiga terdapat juga tuan tanah yang di mana melalui perbincangan dengan kerajaan negeri telah menawarkan tanah mereka kepada penduduk di bawah harga pasaran. Terima kasih.

**YB PUAN LEE YING HA:** Tuan Speaker

**TUAN SPEAKER:** Teratai

**YB PUAN LEE YING HA:** Tuan Speaker... Teratai ingin bertanya pihak EXCO bagaimana dengan rumah setinggan yang sudah diberi tawaran mereka sudah pindah tetapi sekarang penghuni yang baru balik. Adakah penghuni-penghuni ini akan ditawarkan kali kedua supaya mereka dapat pangsapuri atau rumah kos rendah lagi. Sekian terima kasih.

**YB TUAN ISKANDAR BIN A. SAMAD:** Bermakna bahawa mereka yang telah keluar tetapi rumah itu diduduki oleh orang lain betul. Ini kita sebenarnya ada beberapa tempat di Selangor, kita tidak menawarkan dua kali. Sepatutnya kalau yang telah dikeluarkan, kalau mereka yang keluar telah ditawarkan rumah kos rendah, jadi rumah yang telah dikosongkan itu dirobohkan secepat mungkin. Jadi ini dalam proses. Dalam bincian kita, kita ada maklumatlah. Sepatutnya mereka yang menyewa kita ada *time line* untuk penyewa dan yang baru disewakan maka mereka tidak layak menerima rumah kos rendah.

**TUAN SPEAKER:** Sungai Pelek.

**YB TUAN YAP EE WAH:** Terima kasih Tuan Speaker, soalan 19.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN YAP EE WAH  
(SUNGAI PELEK)**

**TAJUK: KENAIKAN HARGA PASIR**

19. Sejak kebelakangan ini, harga pasaran pasir naik secara mendadak.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- Apakah sebab kenaikan harga pasaran pasir ini?
- Apakah cadangan kerajaan Selangor menstabilkan harga pasaran ini?

**YB TUAN HJ YAAKOB BIN SAFARI:** Tuan Speaker, bagi menjawab soalan daripada YB Sg. Pelek, semenjak Kumpulan Semesta Bhd. memulakan operasi lombong pertama, di lot 32546 Dengkil, harga jualan pasir KSSB ditetapkan pada RM21.80/TM. Harga jualan di lombong Bestari Jaya pula ditetapkan pada RM18.00/TM dan tidak berubah sehingga September 2009.

Harga pasaran pasir tidak semata-mata bergantung kepada harga pasir di lombong (*Ex-mine*). Kenaikan kos operasi pengangkutan pasir (*transporter*) dan perubahan harga bahan api (diesel) dan kos alat ganti juga memberikan kesan terus kepada harga pasaran.

Bagi soalan dua, bermula 1 Oktober 2009, KSSB menawarkan diskauun pukal berdasarkan kuantiti belian bulanan pelanggan. Diskauun pukal berdasarkan '*tier pricing*' RM 0.50/TM untuk setiap gandaan 5,000 TM sehingga maksima 30,000 TM sebulan ini akan memberikan rebat yang lebih tinggi apabila semakin banyak pasir yang dibeli oleh seseorang pelanggan. Untuk hari ini harga pasir di kawasan Dengkil adalah RM 18,000 bagi setiap TM dan harga di kawasan Bestari Jaya ialah RM 15.00 bagi setiap TM. Bagi pasir sungai yang dikeluarkan mulai Ogos 2009 bayaran dikenakan pada pihak pelombong atau kontraktor ialah RM 6.00 bagi setiap TM

dan mulai Oktober tahun ini, untuk tanah persendirian, yang telah mula kita buka harga dikenakan kepada setiap pelombong ialah RM 5.00 bagi setiap TM.

**TUAN SPEAKER:** Waktu pertanyaan telah tamat. Saya menangguhkan sesi untuk urusan seterusnya.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Rang Undang-undang Perbekalan 2010, 2009 semua peringkat.

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan satu enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada kumpulan wang negeri yang disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2010 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu dibacakan kali yang pertama.

**YB PUAN TERESA KOH SUH SIM:** Tuan Speaker, saya menyokong.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Rang Undang-undang dibacakan kali yang pertama.

**YB PUAN TERESA KOH SUH SIM:** Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER:** Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang pertama.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Rang Undang-undang ini bernama suatu enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada kumpulan wang disatukan negeri untuk perkhidmatan bagi tahun 2010 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk perkhidmatan untuk tahun itu.

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Tuan Speaker, oleh sebab Rang Undang-undang ini perlu dan mustahak diluluskan pada hari ini juga saya mencadangkan di bawah Peraturan Tetap 78 supaya ditangguhkan Peraturan Tetap 48 dan 53 bagi membolehkan Rang Undang-undang ini dibacakan pada semua peringkat dan seterusnya diluluskan.

**YB PUAN TERESA KOH SUH SIM:** Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan cadangan ini sila kata ya, Ahli-ahli yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila kata tidak. Dipersetujui.

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Tuan Speaker dan Ahli-ahli yang Berhormat. Tujuan Rang Undang-undang ini adalah untuk pengeluaran sejumlah wang tidak melebihi RM1,265.250,731.00 daripada kumpulan wang negeri yang disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2010 adalah dibenarkan dan wang itu diperuntukkan bagi maksud yang dinyatakan dalam jadual.

*Bismillahirrahmanirrahim,*

Segala puji bagi Allah, Tuhan semesta alam. Selawat dan salam disampaikan kepada junjungan besar Nabi Muhammad Sallallahualaihiwassalam, keluarga serta sahabat baginda.

*Assalamualaikum warahmatullahitaala, wabarakatuh; dan Salam sejahtera.*

Tuan Speaker,

Saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang yang bertajuk "Suatu Enakmen untuk menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan bagi tahun 2010, dan memperuntukkan wang itu bagi perkhidmatan pada tahun tersebut" dibaca pada kali kedua.

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahuwataala kerana dengan rahmat dan izin-Nya, kita dapat hadir di dalam Dewan yang mulia ini untuk mengikuti pembentangan Bajet 2010 Negeri Selangor yang menggariskan usaha-usaha Kerajaan Pakatan Rakyat untuk meneruskan agenda "Merakyatkan Ekonomi Selangor". Agenda Merakyatkan Ekonomi Selangor dilancarkan pada Jun 2008, iaitu genap 100 hari Pakatan Rakyat menerajui Kerajaan Negeri Selangor selepas memenangi pilihan raya ke-12 pada 8 Mac 2008.

**Izinkan Hamba Mulakan Bicara,  
Membentang Bajet Dua Puluh Sepuluh;  
Selangor Maju Rakyatnya Sejahtera,  
Tanda Agenda MES Semakin Ampuh.**

Sesungguhnya, Bajet 2010 ini, yang bertemakan "**Negeri Maju, Rakyat Sejahtera**" ataupun harta negeri dipelihara rakyat sejahtera, merupakan kesinambungan Bajet 2009 yang dilihat sudah berjaya melaksanakan beberapa program dalam agenda Merakyatkan Ekonomi Selangor. Pada masa sama, Bajet 2010 menandakan tahun bermulanya Kerajaan Negeri Selangor merealisasikan enam projek utama sebagai usaha merancakkan ekonomi negeri melalui pakej rangsangan ekonomi yang ingin direalisasikan sepanjang 10 tahun dan yang dijangka mampu menjanakan pelaburan melebihi RM50 bilion.

Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat,

**Krisis kewangan global** dijangkakan terus berpanjangan sehingga tahun 2010, terutama bagi negara-negara pengeksport yang ekonomi mereka bergantung pada Amerika Syarikat dan Eropah. Contohnya, Jepun, Thailand dan Malaysia sendiri. Walaupun terdapat tanda-tanda kestabilan dalam perkembangan global terkini, namun, sistem kewangan di negara maju masih bermasalah dan tahap aktiviti masih pada paras yang rendah. Kerajaan sekarang menjangkakan laluan menuju pemulihan ekonomi penuh dengan cabaran dan ketidaklancaran berikut wujudnya perangkap kecairan, kelemahan dasar fiskal dan ketidakstabilan pasaran mata wang dunia. Bank Dunia pula menganggarkan kemerosotan ekonomi global pada kadar 2.9% sehingga penghujung tahun 2009. Bagi tahun 2010, IMF menjangkakan pemulihan ekonomi dunia berada pada kadar 2.5%.

Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat,

Pada keseluruhannya, **prestasi pertumbuhan ekonomi Malaysia** mula memperlihatkan tanda-tanda pemulihan pada suku kedua tahun 2009. Menurut laporan Bank Negara Malaysia, **ekonomi Malaysia menguncup pada kadar yang lebih sederhana**, iaitu 3.9 % pada suku kedua 2009 berbanding - 6.2 % pada suku pertama 2009. Hal tersebut disebabkan oleh perbelanjaan awam yang lebih tinggi dan pertumbuhan positif dalam penggunaan swasta. Bank Negara Malaysia pula menjangka ekonomi negara mungkin mengalami pertumbuhan 2-3% pada tahun 2010. Bank Negara juga berasa yakin terhadap tanda-tanda kestabilan yang dilihat pada pemulihan permintaan domestik.

Pertumbuhan positif ini disumbangkan oleh **sektor perkhidmatan** yang dijangka menjadi pemangkin pemulihan ekonomi negara. Sektor pembuatan pula menyusut disebabkan oleh permintaan eksport yang turun dengan mendadak. Proses pemulihan yang perlahan ini

dijangka mengalami perubahan yang positif pada tahun 2010. Dalam hal ini, sektor perkhidmatan dijangka menjadi pemangkin penjanaan ekonomi negara bagi menggantikan sektor pembuatan. Kita berharap pemulihan ekonomi negara dapat dipercepatkan, yang sekali gus membolehkan prestasi ekonomi Selangor pulih kembali dan digunakan dalam rancangan pembangunan yang membahagiakan seluruh rakyat.

Menurut analisis MIER lagi, beberapa **indikator positif** seperti Indeks Keadaan Perniagaan (BCI) dan Indeks Sentimen Pengguna (CSI) yang mencatatkan peningkatan. Hal ini menunjukkan keyakinan pelabur dalam pengurusan pasaran modal dan keyakinan pengguna yang dijana oleh peluang pekerjaan yang bertambah dan pendapatan yang stabil meningkatkan semula semangat pengguna untuk berbelanja.

**Pendapatan per kapita rakyat (harga semasa)** bagi tahun 2010 diramal meningkat kepada RM30,479 daripada RM29,778 pada tahun 2009. Perkembangan ini boleh merangsang peningkatan taraf hidup yang lebih tinggi dengan pendapatan per kapita dan ukuran pariti kuasa beli, yang dijangka mengalami pertumbuhan positif sebanyak 2.6% iaitu meningkat daripada mata wang Amerika Syarikat USD16,286 pada 2010 berbanding USD15,878 pada tahun 2009.

Kita berharap pemulihan ekonomi negara dapat dipercepat, yang sekali gus membolehkan prestasi ekonomi Selangor pulih kembali dan digunakan dalam rancangan pembangunan yang membahagiakan seluruh rakyat.

- > *Sebelum meneruskan ucapan, Tuan Speaker, saya ingin mengingatkan orang ramai bahawa ucapan pembentangan Bajet 2010 ini boleh juga diikuti secara langsung menerusi web TV Selangor di laman: [www.tvselangor.com](http://www.tvselangor.com). Terima kasih.*

Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat;

Perdana Menteri Malaysia Dato' Seri Mohd Najib bin Abdul Razak sudahpun menyampaikan ucapan Belanjawan 2010 Malaysia di Parlimen pada Oktober lepas. Beliau menyampaikan visinya supaya Malaysia menjadi **sebuah ekonomi berpendapatan tinggi**, yang memerlukan pembangunan tenaga kerja yang berkualiti, ekonomi yang kompetitif, penyediaan infrastruktur yang menyokong pertumbuhan ekonomi dan jalinan strategik dengan negara-negara membangun. Selangor sebenarnya sudah mencapai semua keperluan yang disenaraikan dan sekali gus **siap siaga** untuk menjadi negeri yang berpendapatan tinggi.

Berdasarkan tahap rendah beberapa petunjuk ekonomi makro, **nilai KDNK negeri Selangor** pada harga malar tahun 2000 pada suku kedua tahun ini menyusut kepada RM114.3 bilion berbanding RM118.9 bilion pada tahun 2008. Dijangkakan KDNK pada tahun 2010 meningkat kepada RM116.8 bilion dengan kadar pertumbuhan 2.1%.

Apabila membincangkan tentang ekonomi Selangor, tidak dinafikan, **sektor perindustrian** merupakan penyumbang utama terhadap kerancakan ekonomi negeri, malah ia merupakan nadi pertumbuhan ekonomi negara. Namun, bagi tahun 2009, keseluruhan nilai ditambah sektor ini dianggarkan menyumbang sebanyak 37.7% kepada KDNK negeri berbanding 40.0 % pada tahun 2008 .

**Sektor perkhidmatan** menyumbang sebanyak 61.4% atau RM73.83 bilion dalam KDNK negeri pada tahun 2009 berbanding 58.8% pada tahun 2008. Kita berharap sektor ini terus dipacu bagi meningkatkan prestasinya. Daripada aspek perkhidmatan, kita turut menjangkakan sektor ini

terus berkembang dan merancakkan lagi aktiviti ekonomi negeri. Ia membuktikan sektor ini berupaya mempercepat pemulihan ekonomi Selangor.

**Sektor pembuatan** dijangka mengalami penguncutan 10.9% dalam nilai ditambah bagi tahun 2009 akibat penurunan permintaan luar terhadap bahan pengeluaran industri secara keseluruhan. **Sektor pembinaan** pula dijangka mengalami pertumbuhan positif sebanyak 2.4% yang disumbangkan oleh pembinaan rumah dan kawasan rekreasi, bangunan perdagangan dan kompleks membeli belah serta kerja baik pulih yang merupakan sebahagian daripada pakej rangsangan ekonomi kerajaan.

Bagi tahun 2009, **sektor pertanian dan perlombongan**, menyumbang sebanyak 1.3% kepada KDNK negeri dan dijangka menguncup kepada kadar 1% pada tahun 2010. Bagaimanapun, Kerajaan Negeri tetap memfokuskan usaha untuk memperkasakan sektor pertanian melalui pendekatan pertanian moden dalam subsektor kecil perikanan, ternakan dan cabang lain, terutamanya penanaman padi.

Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat;

Pada tahun 2008, nilai pelaburan di Selangor berjumlah RM11.9 bilion, iaitu 18.9 peratus daripada jumlah pelaburan di Malaysia yang bernilai RM62.8 bilion menunjukkan peningkatan dibandingkan dengan tahun 2007, iaitu RM11.18 bilion di Selangor atau 18.7 peratus daripada jumlah pelaburan di Malaysia yang bernilai RM59.93 bilion. Sehingga September 2009, **nilai pelaburan yang berjaya diperoleh oleh negeri Selangor berjumlah RM3.98 bilion**.

Mengikut nilai pelaburan setakat Julai 2009, pelaburan di negeri Selangor merupakan 15.5 peratus daripada jumlah pelaburan Malaysia sebanyak RM17.4 bilion.

Perangkaan ini walaupun menyusut, namun, ia menunjukkan betapa dalam kegawatan ekonomi dunia, negeri Selangor masih mampu menarik pelaburan masuk ke negeri dan masih mampu menjana ekonominya. Keyakinan pelabur-pelabur terhadap negeri Selangor adalah positif dan semakin meningkat. Prestasi dan perkembangan positif ini diharap berterusan hingga akhir tahun 2009.

Dalam hal ini, Kerajaan Negeri cuba melaksanakan usaha yang lebih agresif bagi menarik pelabur-pelabur ke negeri Selangor. Antaranya, prosedur dan syarat-syarat yang dikenakan kepada pelabur perlu dipermudah bagi menjamin keselesaan para pelabur. Kita juga perlu mengetepikan sikap negatif, iaitu dengan hanya menunggu pelaburan datang bergolek tanpa berusaha gigih.

Kita sentiasa berusaha memastikan negeri Selangor menjadi **tumpuan utama pelabur-pelabur** dari dalam dan luar negeri sebagai destinasi pelaburan yang menguntungkan. Walaupun keadaan krisis ekonomi global yang turut dirasai tempiasnya oleh negeri ini, namun saya yakin dengan tadbir urus kerajaan yang **cekap, telus dan menambah baik tadbir urus (good governance)**, Selangor mampu membawa masuk pelaburan baharu dan dapat menyumbang kepada pemulihan ekonomi negeri khasnya dan negara amnya.

Sehubungan itu, **PEMUDAH Selangor** ditubuhkan pada tahun ini untuk menambah baik tadbir urus dan mengurangi kerenah birokrasi ataupun “bureaucratic red-tape” supaya pelabur-pelabur dapat menikmati perkhidmatan yang cekap dan efisien. Saya berharap Pusat Pelaburan Negeri Selangor (SSIC) dapat melipatgandakan usaha bagi menarik pelabur-pelabur asing dengan merangka beberapa strategi baharu yang mantap. Projek Lembah Klang 2 dan industri

berteknologi tinggi baharu seperti teknologi solar merupakan satu contoh dan saya ingin SSIC menunjukkan hasil positif daripada usaha mereka secara konsisten.

Projek I-City di Shah Alam, iaitu pembangunan komuniti digital pertama di Malaysia bernilai RM2 bilion, merupakan satu contoh yang baik. Kerajaan Negeri Selangor sedang membincangkan dengan pihak pengusaha di Silicon Valley, California, supaya sistem "**Plug and Play**" dapat dilaksanakan. Kemudahan infrastruktur yang sedia ada di I-City, meliputi:

Sistem giga, iaitu antara hubungan internet jalur lebar tanpa wayar (*wireless broadband*) yang terpantas di rantau ini, melebihi Cyberjaya.

Jaringan rangkaian dan fiber penuh;

Sistem kuasa sandar (*power support system*) berlebihan 100%;

Sistem komunikasi berintegrasi (*integrated communication system*); dan

Keupayaan kelajuan jalur lebar yang mencecah 1 Gigabit sesaat (1Gbps).

Dengan yang demikian, Shah Alam dan Silicon Valley dapat memperkuuh perhubungan sebagai "***twin operators***" dan inovasi teknologi dapat dipromosikan dalam kalangan rakyat Selangor.

Kebanyakan pusat kewangan, bank dan institusi dalam landskap sistem **kewangan Islam** mempunyai ibu pejabat dan cawangan mereka di Selangor. Ia bermakna, konsep hab serantau yang menjadikan Selangor hab kewangan Islam, dan hab industri halal adalah amat sesuai. Selain itu, saya berharap impian Selangor sebagai hab akuakultur moden, hab pendidikan tinggi dan sekolah swasta, serta hab industri solar sedia dikaji dengan lebih tuntas dan direalisasikan oleh SSIC dengan segera.

Selain meneruskan program sedia ada dan melakukan penambahbaikan dalam strategi menarik pelaburan, Kerajaan Negeri melalui usaha setiap Pihak Berkuasa Tempatan sduahpun menujuhkan **IPMC (Industrial Park Management Committee) dan IPMG (Industrial Park Management Group)** di kawasan-kawasan perindustrian, untuk menjaga kepentingan pengilang dan pelabur yang menujuhkan kilang di kawasan perindustrian di Selangor. Saya gembira kerana terdapat beberapa Pihak Berkuasa Tempatan yang memandang serius terhadap penubuhan IPMC dengan mengadakan mesyuarat yang tetap dengan pihak pengilang. Walau bagaimanapun, saya juga difahamkan tentang terdapat Pihak Berkuasa Tempatan yang masih tidak memandang serius terhadap penubuhan IPMC dan tidak mengadakan mesyuarat IPMC secara berkala di kawasan perindustrian dalam jagaan Pihak Berkuasa Tempatan tersebut.

Dengan ini, kerajaan Negeri Selangor menggesa setiap Pihak Berkuasa Tempatan supaya menujuhkan **Unit Pelaburan** yang dianggotai oleh seorang atau lebih pegawai Pihak Berkuasa Tempatan yang khusus. Tujuan mengadakan Unit Pelaburan dan mewujudkan pegawai Pelaburan di setiap Pihak Berkuasa Tempatan adalah untuk merapatkan hubungan di antara pelabur atau pengilang dengan Pihak Berkuasa Tempatan. Tugas pegawai Pelaburan bertujuan membantu para pengilang bagi mengatasi masalah yang dihadapi oleh mereka di kawasan perindustrian masing-masing.

Kesemua anggota Pihak Berkuasa Tempatan haruslah sedar bahawa negara kita menghadapi saingan yang sengit dengan negara-negara jiran daripada segi penarikan kemasukan pelaburan. Oleh itu, kita perlu menganggap betapa pentingnya mewujudkan hubungan yang lebih rapat dan mesra dengan para pelabur, khususnya pelabur asing di negeri Selangor. Seterusnya, wakil-wakil industri boleh menjadi jurucakap Selangor kepada pelabur luar negara dan membantu kita untuk menggiatkan lagi kemasukan pelaburan di negeri Selangor.

Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat,

Setiap negeri di Malaysia mempunyai keistimewaan tersendiri. Tetapi negeri Selangor berbeza daripada mereka disebabkan ciri-cirinya sebagai negeri yang sudah mencapai tahap moden dan maju. Pakatan Rakyat Negeri Selangor sudah pun memikirkan dengan lebih mendalam akan **visi yang ingin dilaksanakan dalam tempoh 10 tahun yang ke hadapan**. Negeri Selangor sedang mengalami proses transformasi dalam masa yang singkat, dan sebagai sebuah negeri maju, rakyat Selangor sepatutnya menikmati manfaat yang setaraf dengan negara-negara maju yang lain. Sebagai contoh, Bandaraya Petaling Jaya sepatutnya mencapai tahap yang *sustainable* (seratus-peratus kawasan Bandar) dan bukan berkembang secara tidak terkawal.

**Penduduk negeri Selangor** pada 2010 dianggarkan berjumlah 5.3 juta orang berbanding 5.2 juta orang pada tahun ini, dengan kadar pertumbuhan penduduk sebanyak 2.0%. Dalam keadaan negeri Selangor yang mempunyai kawasan bandar yang semakin bertambah besar, kita harus berpegang pada prinsip bahawa pembangunan harus dipelihara supaya tidak mengakibatkan kesesakan yang menjelaskan taraf hidup.

Oleh itu, Bajet Tahun 2010 Negeri Selangor dibentangkan dan berteraskan tema **Negeri Maju, Rakyat Sejahtera**". Prinsip ini berdasarkan falsafah bahawa apabila negeri mencapai status negeri maju, rakyatlah yang sepatutnya menikmati kemewahan yang dijelmakan daripada kemajuan tersebut. Rakyat negeri Selangor mestilah sama-sama menikmati hasil kekayaan selari dengan pertumbuhan pesat ekonomi negeri khususnya, dan negara amnya.

Kerajaan Pakatan Rakyat bakal memasuki tahun ketiga pemerintahan di negeri Selangor pada tahun 2010. Pada tahun pertama dan kedua, kerajaan negeri sudah pun menentukan sumber-sumber kerajaan negeri yang dapat menyumbang kepada pembangunan secara keseluruhannya. Kita sekarang berada pada tahap **sumber-sumber kerajaan negeri boleh digunakan sepenuhnya** untuk memaksimumkan peluang dan nilai terhadap negeri Selangor.

Dalam pembentangan Bajet 2010 ini, saya ingin meneliti dua aspek yang pertama, **hasil negeri** dan kedua, **perbelanjaan negeri**.

Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat;

Kerajaan Negeri bertekad untuk **meningkatkan kualiti hidup rakyat** dan komuniti di negeri Selangor. Sehubungan ini, Kerajaan Negeri meneruskan usaha-usaha mencari sumber hasil baharu bagi memantapkan ekonomi negeri Selangor yang digariskan dalam Bajet 2010 ini.

Menyedari senario ekonomi global yang tidak menentu dan secara tidak langsung memberi kesan penurunan kepada kutipan hasil negeri, Kerajaan Negeri melalui Perbendaharaan Negeri Selangor mengambil inisiatif untuk menggiatkan kutipan hasil dengan melancarkan **Ops Kutip** bermula pada 28 Julai 2009. Pada masa yang sama, saya amat berterima kasih kepada Ketua Audit Negara kerana memberikan penghargaan dan memuji akaun Kerajaan Negeri Selangor

pada aspek prestasi kewangan negeri tahun 2008 sehingga berjaya menambah hasil Kerajaan Negeri dan mengurangkan tunggakan hasil negeri pada tahun 2008.

Inisiatif Ops Kutip mendapat kerjasama Pejabat Tanah dan Galian Selangor, Pusat ICT Selangor dan Pejabat Tanah dan Daerah seluruh Selangor. Pendekatan untuk meningkatkan kutipan melalui Ops Kutip dilaksanakan secara **Ketuk Pintu** (*Knock door policy*) kepada premis pemilik tanah yang mempunyai cukai tanah tertunggak atau penunggak tegar. Tindakan terhadap penunggak-penunggak tegar ini yang terdiri daripada syarikat-syarikat yang mempunyai cukai tanah tertunggak, dilakukan melalui siri proses sebagaimana ditetapkan oleh peraturan-peraturan sedia ada. Kerajaan Negeri juga memperkenalkan **Insentif Pengurangan Denda Lewat** bagi meningkatkan kutipan hasil tanah melalui kaedah menggalakkan pembayaran cukai oleh individu dan syarikat dengan menawarkan tawaran diskaun atau pengurangan hingga 50% bagi denda lewat cukai tanah melalui Pentadbiran Tanah.

Bagi pengurangan sehingga 100% pula, ia diberikan berdasarkan pertimbangan oleh Pengarah Tanah dan Galian Selangor. Pengurangan denda lewat tersebut tertakluk pada terma dan syarat-syarat yang ditetapkan.

Seterusnya, Kerajaan Negeri memperkenalkan program **Insentif bagi Prestasi Pejabat Tanah dan Daerah yang berjaya mencapai sasaran kutipan hasil**. Kita amat menghargai usaha dan tenaga yang dicurahkan oleh Pejabat Tanah dan Daerah bagi mengutip hasil tanah yang dikutip oleh Pejabat Tanah dan Daerah bernilai lebih kurang 70% daripada keseluruhan hasil negeri. Oleh itu, sebagai tanda penghargaan, Kerajaan Negeri bersetuju memberikan Insentif RM100,000 bagi Pejabat Tanah dan Daerah yang berjaya.

Pemberian insentif pada tahun 2009 kelak diberikan berdasarkan pencapaian Kutipan Hasil Cukai Tanah berakhir 31 Disember 2009. Mudah-mudahan insentif ini dapat meningkatkan motivasi dan menjadi suntikan semangat kepada semua warga kerja Pejabat Tanah dan Daerah untuk meneruskan usaha meningkatkan kutipan hasil tanah mereka setiap tahun.

Cadangan untuk **meningkatkan kutipan hasil** Negeri Selangor turut dibincangkan dalam Majlis Dialog Bajet 2010 pada Oktober lepas. Antara cadangan yang dibincangkan bagi meningkatkan hasil negeri, termasuklah:

- Pejabat Tanah dan Daerah mempercepat proses pendaftaran hak milik. Sekiranya lebih banyak jumlah hak milik didaftarkan, lebih cepat hasil cukai tanah meningkat;
- Meningkatkan kutipan cukai tanah dengan kemudahan pembayaran melalui *e-payment*, menambah kaunter bayaran, mengadakan kutipan di luar pejabat dan kaedah pembayaran secara ansuran;
- Meningkatkan kutipan premium tanah dengan memperluas program pemutihan kes-kes pelanggaran syarat tanah tidak terhad terhadap perindustrian sahaja tetapi merangkumi semua kategori tanah;
- Meningkatkan kutipan premium tanah dengan pemberian insentif sebagai galakan kepada tuan tanah untuk menyambung tempoh pajakan selepas 99 tahun;
- Kerajaan Negeri mengenakan tindakan dengan merampas tanah sekiranya pemilik tanah didapati membiarkan kecurian pasir berlaku di atas tanah miliknya. Cadangan ini

dijangka dapat mengatasi masalah ketirisan hasil pasir yang selama ini menjadi punca kemerosotan hasil tanah dan galian.

Antara hasil pendapatan Kerajaan Negeri Selangor, adalah **terimaan diperolehi daripada Kerajaan Persekutuan**. Pemberian Persekutuan yang diterima sehingga 27 Oktober 2009 berjumlah RM408.26 juta atau 67.6% berbanding anggaran yang disasarkan bagi tahun 2009. Jumlah ini merupakan 16.6% daripada Bajet 2009 jika dibandingkan dengan penerimaan tahun 2008 menunjukkan penurunan peratusan pemberian penerimaan sebanyak 21.65% daripada keseluruhan Bajet 2008 dan 70.64% daripada Bajet 2007.

Berdasarkan fakta, RM16 bilion pendapatan Kerajaan Persekutuan diperolehi daripada negeri Selangor. Jika 20% dari jumlah tersebut (RM3.2 bilion) dipulangkan kepada negeri Selangor, ini merupakan peruntukan yang boleh diterima daripada Kerajaan Persekutuan dan dua kali ganda lebih daripada bajet yang kita bincangkan hari ini.

Projek-projek Persekutuan seperti Projek Infrastruktur Awam (PIA) dan Projek Infrastruktur Asas (PIAS) kini dilaksanakan **terus oleh Pejabat Pembangunan Negeri** (*State Development Office*, ataupun SDO) melalui "*Implementation and Co-ordination Unit*", iaitu suatu unit dalam Jabatan Perdana Menteri. Sebelum ini, projek-projek tersebut dilaksanakan oleh Pejabat Tanah dan Daerah dengan mengambil kira kesesuaian projek berdasarkan keperluan penduduk dan daerah masing-masing. Kini ia terus dilaksanakan oleh ICU, selepas Pakatan Rakyat mengambil alih kerajaan.

Malahan, pembangunan-pembangunan projek-projek ini sekarang tidak lagi dilaporkan kepada Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan atau pun Pejabat Daerah walaupun projek ini sepatutnya untuk tujuan pembangunan negeri. Tambahan ini, jumlah projek daripada Kerajaan Persekutuan nampaknya semakin berkurangan dan menyebabkan peruntukan yang disalurkan merosot berbanding dengan peruntukan yang diterima oleh Kerajaan terdahulu. Hal ini amat dikesali kerana ia menunjukkan Kerajaan Persekutuan tidak bersikap adil dalam hal penyaluran peruntukan kepada kerajaan negeri.

Sebagai contoh, Kerajaan Persekutuan bersetuju meluluskan kenaikan Pemberian Bayaran Perkhidmatan kepada kakitangan Kerajaan Negeri yang terlibat **melaksanakan projek-projek Persekutuan** kepada 10% pada tahun 2010 semasa Mesyuarat Majlis Kewangan Negara (MKewN) yang diadakan pada 25 Ogos 2009. Perkara ini tidak sepatutnya berlaku, iaitu apabila kakitangan diberi insentif untuk melaksanakan projek-projek Persekutuan sahaja sebaliknya tiada insentif untuk melaksanakan projek-projek negeri Selangor.

Menurut Perlembagaan Persekutuan, Kerajaan Persekutuan hanya diwajibkan memperuntukkan dua geran utama kepada Kerajaan Negeri, iaitu pemberian mengikut bilangan penduduk (*capitation grant*) dan pemberian penyelenggaraan jalan raya negeri (MARRIS). Bagaimanapun, perubahan semasa tidak diambil kira iaitu jumlah cukai pendapatan yang dibayar oleh Negeri Selangor kepada kerajaan Pusat.

Sebaliknya, dengan sikap mengabaikan pemberian bantuan kepada negeri-negeri tertentu dalam Persekutuan Malaysia, ternyata Kerajaan Persekutuan melanggar prinsip Federalisme yang besar kemungkinan melembapkan ekonomi dan pembangunan negara secara menyeluruh, dan menyebabkan ketidakseimbangan nasional apabila kapasiti pertumbuhan maksimum tidak dapat dicapai.

Sikap tidak adil Kerajaan Persekutuan kepada negeri-negeri yang kini diperintah oleh Pakatan Rakyat juga tidak menepati perintah Allah, sebagaimana firman-Nya dalam surah An-Nahl, ayat 90, yang bermaksud; "Sesungguhnya Allah menyuruh kamu berlaku adil dan berbuat kebajikan, memberi bantuan kepada saudara mara, dan Allah melarang melakukan perbuatan keji, kemungkaran dan permusuhan. Allah memberi pengajaran kepada kamu agar kamu dapat mengambil pelajaran."

Perubahan landskap politik Malaysia menyebabkan timbulnya perbahasan sengit mengenai pentadbiran, terutamanya di negeri-negeri yang dikuasai oleh Pakatan Rakyat. Polisi jangka panjang mestilah mengambil kira keadilan dan kesaksamaan berkaitan pengagihan kewangan kepada negeri. Menuju arah demokrasi yang lebih matang dengan sistem dua parti dalam konteks Persekutuan, dan lebih ideal untuk menggunakan konsep iaitu **Suruhanjaya Bebas Pemberian Persekutuan**, ataupun "**Independent Grants Commission**" seperti yang dipraktikkan di negara lain seperti Kanada dan Australia, yang melakukan pengagihan kewangan bukanlah sahaja berdasarkan kecondongan politik, tetapi berdasarkan keperluan pembangunan.

Mentaliti "*winner takes all*" yang dipraktikkan oleh Kerajaan Persekutuan Barisan Nasional kini boleh dielakkan melalui perundangan yang lebih baik seperti menggunakan **formula "equalisation"** yang mengambil kira jumlah penduduk, tahap kemiskinan, pembangunan kawasan, kos pembangunan insan indeks pendapatan hasil kasar per kapita. Dengan memberikan lebih autonomi kepada kerajaan negeri, diharapkan usaha ini membawa peningkatan kepada penglibatan orang awam dalam sistem demokrasi itu sendiri.

Negara-negara lain di Asia, seperti Indonesia dan China merupakan contoh-contoh yang baik dalam hal "**fiscal decentralisation**" dilaksanakan dengan memindahkan kuasa daripada kerajaan pusat kepada kerajaan tempatan untuk mencapai pembangunan menyeluruh. Prinsip-prinsip sebuah kerajaan demokrasi seperti akauntabiliti, kualiti hidup yang lebih baik, penglibatan orang awam, dan akses kepada maklumat ini kini turut digalakkan dalam kerajaan Pakatan Rakyat.

Tuan Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat,

Seterusnya, bagi melaksanakan usaha peningkatan **hasil pendapatan negeri**, Kerajaan Negeri menyediakan Pelan Jangka Panjang tahun 2009 - 2013 bagi meningkatkan hasil penanaman padi seluas 18,355 hektar di Daerah Kuala Selangor dan Sabak Bernam, dengan penglibatan seramai 9,322 pesawah.

Pada ketika ini, **purata hasil** yang dicatatkan di daerah tersebut masing-masing 4.5 tan satu hektar dan 5.1 tan satu hektar. Dengan peningkatan pelaksanaan program ini, hasil padi dijangka meningkat sehingga 7.5 tan satu hektar bersamaan RM110 juta setahun. Pendapatan per kapita pesawah dijangka meningkat daripada RM14,475 kepada RM20,475.

Sebagai langkah permulaan, **beberapa projek perintis** dilaksanakan di dua daerah tersebut di samping pemberian bantuan teknikal, latihan dan motivasi kepada pegawai-pegawai pertanian, petani dan agensi pelaksanaan. Usaha ini membuktikan bahawa kejayaan program ini bukanlah hanya bergantung pada aspirasi kerajaan semata-mata, sebaliknya ia perlu disokong oleh modal insan yang berkemahiran dan berpendidikan.

Dalam usaha untuk meningkatkan pendapatan Kerajaan Negeri, **pembangunan pertanian** hendaklah diberi keutamaan. Dalam perkara ini, pembangunan pertanian di Selangor

merupakan usaha kerajaan untuk membetulkan sistem pertanian sedia ada kepada landasan yang betul. Sektor pertanian di negeri Selangor bagi tahun 2009 dijangka hanya meningkat sebanyak 0.8% ekoran pertumbuhan subsektor kecil pertanian seperti perikanan, pertanian dan penternakan. Hal yang demikian terjadi kerana pertanian yang merupakan *knowledge agriculture* iaitu menghendaki petani, penternak dan nelayan mempunyai ilmu di samping memberi tumpuan pada bidang masing-masing.

**Penggunaan teknologi moden** seperti sistem *CREST (Crop Establishment)* ataupun penapakan tanaman, *Knapsack-Powered Paddy Seed Row Seeder* dan Teknik Satelit merupakan antara transformasi pertanian yang dijangka mampu memenuhi hasrat Kerajaan Negeri untuk mencapai 37% tanaman padi dari keseluruhan guna tanah pertanian pada tahun 2010. Kerajaan negeri prihatin terhadap pertanian moden yang tidak menjelaskan alam sekitar, sebaliknya berupaya memaksimumkan sumber tanah negeri dengan lebih efektif.

Dalam usaha menggalakkan **pembangunan usahawan**, Kerajaan Negeri berhasrat melaksanakan beberapa program bagi mempertingkatkan hasil pendapatan negeri. Antaranya membina lebih banyak premis perniagaan dan mewujudkan zon-zon industri kecil dan sederhana, IKS di seluruh daerah. Usaha memperkasa modal insan boleh diwujudkan melalui program inkubator dan menyediakan latihan keusahawanan di seluruh Negeri Selangor. Pusat **Sehenti (OSC)** bakal ditubuhkan di setiap daerah sebagai pusat pengumpulan dan pemasaran produk-produk usahawan setempat. Usaha ini dapat menjadikan perusahaan IKS ini lebih efisien.

Kerajaan Negeri Selangor juga buat pertama kalinya berjaya mengutip hutang hasil pengiktirafan hutang anak syarikat. Tujuan kerajaan negeri berbuat demikian supaya hasil negeri dapat dipertingkat dan secara tidak langsung rakyat dapat mengetahui pelaburan yang dilakukan oleh mereka sebagai pembayar-pembayar cukai dalam anak-anak syarikat kerajaan negeri. Rakyat mesti lebih prihatin terhadap prestasi dan hasil pelaburan mereka sebagaimana yang dibentangkan dalam Enakmen Perbekalan Tambahan kedua 2009 semalam (9 November 2009). Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak **RM391,986,473** kepada Perbadanan Menteri Besar (MBI) untuk membeli hutang Syarikat Kumpulan Talam daripada Kerajaan Negeri dan bakal mengutip hutang tersebut.

Tuan Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat,

**Objektif bajet** ini ialah seperti berikut :

Pertama, untuk memperluaskan peluang-peluang ekonomi Negeri Selangor dengan sumber yang sedia ada;

Kedua, untuk memastikan dan mengembalikankekayaan negeri kepada rakyat melalui program Merakyatkan Ekonomi Selangor;

Yang ketiga, untuk menyediakan infrastruktur dan modal insan Negeri Selangor bagi memantapkan daya saing Selangor antara negeri dan di peringkat antarabangsa, terutamanya dengan kelebihan Selangor sebagai penggerak ekonomi Malaysia dan Asia Tenggara;

Yang keempat, untuk melaksanakan pakej rangsangan ekonomi yang dirancang sepanjang tahun 2009, dan meneruskan ke peringkat yang seterusnya.

Limpahan nikmat kurniaan Allah ini perlulah diagihkan secara adil dan saksama supaya kualiti hidup rakyat Selangor terus dibela dan dipertingkatkan. Kerajaan Negeri juga berusaha memastikan pembangunan ekonomi negeri berlandaskan matlamat untuk merakyatkan ekonomi negeri dan melaksanakan ketelusan dalam pentadbiran. Lantas, hala tuju perancangan pembangunan Negeri Selangor disediakan untuk menggariskan pendekatan bagi mencapai wawasan dan matlamat Negeri Selangor menjelang tahun 2025.

Justeru itu, **Kerajaan Negeri Selangor komited terhadap pemerintahan berlandaskan strategi-strategi berikut:**

- I. **Menegakkan demokrasi tulen;**
- II. **Menjamin keselamatan dan kesejahteraan rakyat;**
- III. **Merakyatkan ekonomi Selangor;**
- IV. **Pembangunan moden dan lestari;**
- V. **Memperkasakan rakyat Selangor;**
- VI. **Membasmi kemiskinan di semua lapisan masyarakat.**

Tuan Speaker, Ahli-Ahli Yang Berhormat,

I. **Menegakkan demokrasi tulen**

Kerajaan Pakatan Rakyat berpegang teguh pada prinsip menegakkan demokrasi tulen di negeri Selangor. Reformasi sebenar bermaksud mengamalkan tadbir urus yang sempurna, telus dan bertanggungjawab dalam pelaksanaan pentadbiran Kerajaan Negeri.

**Suara rakyat suara keramat.** Lantas, Kerajaan Negeri berfungsi untuk memenuhi kehendak rakyat daripada segi politik dan ekonomi dan membentuk beberapa dasar berdasarkan keprihatinan terhadap keperluan rakyat. Setiap wakil rakyat dan pegawai kerajaan daripada Menteri Besar, Ahli Dewan Undangan Negeri hingga kepada kerani pejabat kerajaan, bertanggungjawab sepenuhnya untuk mendengar segala keluhan, rintihan, teguran dan pandangan rakyat untuk menyempurnakan tugas mereka sebagai pemegang amanah rakyat.

Segala keperluan rakyat mesti dipenuhi dengan **cekap dan mantap**, dan setiap keputusan kerajaan negeri mesti menimbangkan sepenuhnya kesejahteraan jangka panjang rakyat. Ahli-ahli politik atau pegawai kerajaan yang gagal memahami prinsip ini atau memenuhi tanggungjawab ini mesti diganti secepat mungkin dengan pemimpin yang sanggup memenuhi keperluan rakyat sebelum mereka memenuhi kepentingan diri sendiri dan keluarga.

Dalam usaha menegakkan demokrasi, Kerajaan Negeri Selangor sedang merangka **Enakmen Freedom of Information” ataupun Enakmen Kebebasan Maklumat** yang bakal dibentangkan dalam Persidangan Dewan Negeri Selangor pada Mac 2010. Walaupun enakmen ini mungkin tidak diluluskan secara serta-merta, namun saya yakin Kerajaan Pakatan Rakyat dapat menjadikan kerajaan negeri yang pertama di Malaysia yang bersedia untuk mengadakan undang-undang yang menggalakkan ketelusan dalam pentadbirannya.

Dalam hal Enakmen ini, yang belum lagi diluluskan, namun saya sudah memulakan langkah untuk membuat **deklasifikasi maklumat negeri** melalui hak saya sebagai Menteri Besar menurut Seksyen 2c Akta Rahsia Rasmi. Dalam Persidangan Dewan pada November 2009 ini, berapa laporan dijangka dikeluarkan kepada semua rakyat mengenai projek yang dimulakan oleh kerajaan Barisan Nasional dahulu. Ia mendedahkan kisah benar di sebalik projek yang sepatutnya memanfaatkan Kerajaan tetapi menguntungkan syarikat-syarikat tertentu. Pertama,

projek penghutanan semula untuk tujuan komersial. Kedua, beberapa projek terbengkalai di negeri Selangor.

Pembentangan Enakmen Kebebasan Maklumat ini menunjukkan contoh yang baik yang harus dikenalkan, dengan transparensi atau ketelusan dijadikan dasar negeri, kecuali untuk maklumat yang terbukti boleh menjelaskan keselamatan Kerajaan Negeri. Kerajaan yang telus meningkatkan tahap keyakinan pelabur kerana ia memastikan maklumat diberi secara bebas kepada usahawan-usahawan yang memerlukannya. Sebagai contoh, lima Draf Rancangan Selangor yang baru dilancarkan minggu lepas oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, dipamerkan kepada orang ramai selama satu bulan. Selain itu, kerajaan negeri menekankan kepentingan Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Keupayaan, Keber tanggungjawaban dan Ketelusan (SELCAT) yang berusaha bersungguh-sungguh memantau selia dan memeriksa keupayaan, keber tanggungjawaban dan ketelusan urusan pentadbiran Kerajaan Negeri, agensi-agensi dan Pihak Berkuasa Tempatan agar wang rakyat dibelanjakan melalui pengurusan yang cekap dan telus.

Kerajaan Negeri amat menggalakkan interaksi antara kerajaan dengan pihak-pihak *stakeholders*. Pelbagai lapisan masyarakat termasuk ahli-ahli akademik dan pertubuhan bukan kerajaan atau NGO. Sehubungan itu, kerajaan ada menerima satu laporan daripada kumpulan *Coalition for Good Governance*, ataupun Gabungan Tadbir urus Baik, dan meneliti dengan serius cadangan mereka untuk mengadakan Pilihan Raya Kerajaan Tempatan di Negeri Selangor. Cadangan ini dibentangkan kepada semua Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. Kami percaya Pilihan Raya Kerajaan Tempatan penting untuk memperkasa rakyat Selangor dalam hal memilih wakil yang bertanggungjawab terhadap pentadbiran kawasan-kawasan tempatan dan tempat kediaman masing-masing.

Kerajaan Negeri Selangor juga merancang meminda Akta Perhutanan yang mewajibkan konsultasi atau *public hearings* bagi setiap kali terdapat *excise ment* kawasan perhutanan. Ia dirancang dan dijangka dibentangkan dalam Persidangan Dewan pada Mac 2010.

Seterusnya, saya ingin menghuraikan cara Kerajaan Negeri Selangor mengurus perbelanjaan dengan cekap. Kita perlu sentiasa menilai keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan awam (*public service delivery*) Kerajaan Negeri Selangor di semua peringkat, daripada kerajaan negeri, Pihak Berkuasa Tempatan, hingga ke pejabat tanah. Dengan cara ini, kita dapat memantau kualiti dan belajar semula konsep menambah baik prestasi kita sebagai Kerajaan Negeri secara berterusan.

Walaupun sumber-sumber negeri agak terhad, namun, kami sedar betapa sumber-sumber tersebut sudah diamanahkan kepada kami oleh rakyat untuk ditadbir urus dengan cekap. Tugas kita untuk memastikan kecekapan pengurusan segala sumber ini dilaksanakan dengan penuh kesedaran bahawa kegagalan melaksanakan tanggungjawab ini boleh mengakibatkan kehilangan kepercayaan dan keyakinan rakyat dalam pilihan raya kecil ataupun pilihan raya umum kelak.

Kerajaan Pakatan Rakyat Selangor sudah pun menujuhan Jawatankuasa Hal Ehwal selain Islam untuk memelihara keperluan masyarakat selain Islam dan ada menyenaraikan garis panduan berhubung hal ehwal selain Islam. Garis panduan tersebut menetapkan segala prosedur berhubung pembinaan, perrobohan dan bantuan kewangan bagi bangunan keagamaan selain Islam di negeri Selangor. Ia bertujuan menghormati keperluan-keperluan berhubung kepentingan semua agama.

Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat,

**II. Untuk menjamin keselamatan dan kesejahteraan rakyat,**

Kerajaan Negeri Selangor amat menekankan konsep "**Selamat dan Bersih**". Kerajaan Pakatan Rakyat di Selangor memandang serius mengenai keimbangan yang semakin ketara berkaitan peningkatan **kadar jenayah**. Ramai dalam kalangan kita yang mempunyai rakan dan saudara mara yang menjadi mangsa penjenayah, yang mengakibatkan kita berasa semakin risau dan gelisah di jalan raya mahupun di rumah sendiri. Kerajaan Negeri bertekad untuk meningkatkan kerjasama dengan pihak polis, dan menyokong penuh beberapa inisiatif seperti yang dimulakan oleh MBPJ dengan mengadakan khidmat Polis Tambahan (*auxiliary police*) sendiri. Rukun Tetangga juga patut diberi lebih sokongan untuk mewujudkan pembaharuan menangani kes-kes jenayah.

Setiap kawasan perumahan baharu mesti dilengkapi kemudahan keselamatan yang mantap dan mencukupi. Walaupun kerajaan negeri tiada kuasa mempunyai kuasa terhadap pasukan Polis, namun, kami terus menjelaki cara-cara inovatif untuk meningkatkan keselamatan, termasuk pemasangan CCTV. Bagi tahun 2010, peruntukan sebanyak **RM3 juta dikhaskan untuk memasang CCTV** di lokasi-lokasi yang bersesuaian di setiap PBT di Selangor. Setelah proses tender terbuka selesai yang sedang dilaksanakan sekarang, Kerajaan Negeri Selangor mungkin mendapatkan peruntukan tambahan untuk tujuan ini.

Kerajaan Negeri Selangor menyarankan kepada semua Pihak Berkuasa Tempatan supaya meningkatkan lagi kebersihan di dalam kawasan mereka dengan mengamalkan konsep "Selamat dan Bersih". Oleh yang demikian, kutipan sampah-sampah hendaklah dilaksanakan dengan cekap dan mengikut kos yang berpatutan. Kita ingin melihat Selangor yang bebas daripada longgokan sampah dan sisa pelupusan bahan binaan.

Bagi memberi kesejahteraan kepada rakyat Selangor, **Program Bantuan Kesihatan** diwujudkan untuk membayai beberapa rawatan seperti katarak mata, dialisis buah pinggang dan pembedahan kecil. Program bantuan kesihatan ini dapat mengurangkan beban golongan yang berpendapatan rendah. Kerajaan Negeri membayai kos rawatan bagi katarak mata sebanyak RM700, rawatan dialisis buah pinggang sebanyak RM60 bagi setiap kali rawatan dan pembedahan kecil tidak melebihi RM1500.

Pelbagai **program keusahawanan** dilaksanakan bagi menjana peluang pekerjaan untuk orang ramai, antaranya Industri Kecil Sederhana (IKS), kraf tangan dan jahitan. Sebanyak RM2.5 juta diperuntukkan untuk tujuan ini pada tahun 2010.

Kerajaan Negeri berhasrat membangunkan generasi muda berdasarkan pegangan sistem nilai yang diterjemahkan dalam bentuk gaya hidup berkualiti dan berwawasan. Oleh sebab belia merupakan pemangkin pembangunan Negeri Selangor, Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak RM4.5 juta pada tahun 2010 bagi program belia dan sukan. Kerajaan Negeri sudah menubuhkan **Sekretariat Belia Negeri Selangor** pada Mei 2009, yang berfungsi berfungsi untuk melaksanakan program-program belia di peringkat negeri. Dengan tertubuhnya Sekretariat Belia ini maka program-program pembangunan belia boleh digiatkan lagi bagi memperkasa para belia di samping memastikan para belia di negeri ini dapat bergiat aktif dalam pelbagai aktiviti yang memberi faedah.

Agenda pembangunan belia yang meliputi program "**Jom Daftar Undi**" dengan peruntukan sejumlah RM150,000 bagi tahun 2010 bertujuan menggalakkan belia yang belum

mendaftarkan diri sebagai pengundi, mendaftar di kaunter-kaunter pendaftaran yang dibuka semasa berlangsung program-program seperti karnival dan konsert. Saya ingin menekankan betapa pentingnya setiap belia mendaftar sebagai pengundi, kerana ia merupakan antara aspek pemerksaan rakyat yang paling penting. Setiap orang mempunyai haknya sendiri untuk memilih wakil rakyat untuk kawasannya. Selain itu, **Sekretariat Belia Negeri Selangor** menawarkan kursus dan latihan kepimpinan, latihan-latihan meningkatkan jati diri, ekonomi, berpersatuan, kemahiran, bermasyarakat dan kesukarelawan kepada para belia yang menyertainya.

Peruntukan ini juga meliputi **Program Penggerak Belia Tempatan (PeBT)** yang ditubuhkan pada Ogos 2009, dan melalui program ini, belia seluruh negeri Selangor bakal mendapat manfaat daripada program Pembangunan Belia. Seramai 290 Pengurus PeBT di peringkat zon sudah dilantik dan mereka bakal dijadikan jentera Kerajaan Negeri dalam usaha melaksanakan program-program ini bagi pembentukan modal insan yang unggul di peringkat global.

Di samping itu, peruntukan bagi menaik taraf kompleks-kompleks belia dan sukan disalurkan bagi **membaik pulih kemudahan-kemudahan sukan** sedia ada. Dengan ini diharapkan rakyat Selangor dapat menggunakan kemudahan sukan ini secara optimum. Pengurus bangunan yang berpengalaman bakal dilantik bagi menyelaras semua aset-aset negeri secara profesional.

Saya merakamkan ucapan tahniah kepada skuad Merah Kuning yang berjaya merangkul tiga kejuaraan pada tahun ini. Melalui kemenangan ini membuktikan peningkatan dalam **skuad bola sepak negeri Selangor**. Walaupun tidak memenangi kesemua empat kejuaraan (Piala Malaysia), namun kita bertekad untuk mencuba lagi pada tahun 2010. Kita berharap skuad Merah Kuning terus mempamerkan mutu permainan yang tinggi dalam musim-musim seterusnya. Pemberian tiket-tiket percuma kepada pihak-pihak tertentu bakal diteruskan sekiranya skuad Merah Kuning dapat memasuki mana-mana perlawanan akhir yang berprestij. Usaha ini secara tidak langsung memberi sokongan moral pada skuad Merah Kuning serta dapat meningkatkan prestasi dan mutu permainan.

**Sukan Malaysia (SUKMA) 2010** pula bakal berlangsung di Melaka pada tahun hadapan. Kita mengharapkan agar kontinjen Selangor dapat mempersembahkan mutu persembahan yang terbaik pada sukan tersebut dan diharap menjadi negeri yang dapat mengungguli kutipan pingat yang tertinggi.

### **III. Merakyatkan Ekonomi Selangor**

Agenda Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) diperkenalkan pada Jun 2008 oleh Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat Selangor dan dilaksanakan secara berperingkat atau berfasa. Sehingga kini fasa pertama dan fasa kedua **MES sudah dilaksanakan** dengan jayanya. Ia membuktikan Kerajaan Pakatan tidak bercakap kosong kerana berjaya merealisasikan manifesto Pilihan Raya 2008 yang dijanjikan kepada rakyat. Prinsip Merakyatkan Ekonomi Selangor berdasarkan kepercayaan bahawa sumber-sumber negeri adalah kepunyaan rakyat. Oleh itu, kita memulangkan kekayaan negeri kepada mereka yang merupakan pemilik ekonomi yang sebenarnya.

Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat,

Dalam bajet 2009 Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak **RM56 juta bagi pelaksanaan program MES**. Oleh itu, saya ingin memaklumkan kepada sidang Dewan yang mulia ini

mengenai perkembangan dan prestasi program Merakyatkan Ekonomi Selangor fasa pertama yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Selangor.

Pertama Program **Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS)**, mendapat sambutan menggalakkan daripada rakyat negeri Selangor. Sehingga September 2009, seramai 11,858 orang anak kelahiran negeri Selangor yang menepati syarat diluluskan untuk Tabung Warisan Anak Selangor. Jumlah yang diperuntukkan untuk program TAWAS dari tahun 2008 ke tahun 2009 adalah sebanyak RM13.5 juta. Kerajaan Negeri amat prihatin terhadap keperluan pendidikan awal kanak-kanak kerana kanak-kanak merupakan tonggak pembangunan modal insan bagi negeri Selangor, lebih-lebih lagi yang dijayakan oleh program TAWAS.

Kerajaan turut mementingkan **sistem pembelajaran kanak-kanak** supaya dapat berkembang seimbang dengan perkembangan emosi dan kognitif dengan lebih optimum dan bersedia apabila memasuki alam persekolahan formal dengan mempertingkat taraf institusi taska di Selangor. Dengan wujudnya taska-taska ini di negeri Selangor, pendidikan kanak-kanak dalam segenap lapisan masyarakat tidak dipinggirkan dan memastikan kanak-kanak tersebut mendapat perhatian yang sewajarnya. Kerajaan Negeri komited menjalankan pemantauan, penguatkuasaan dan mempertingkat kualiti taska-taska sedia ada. Usaha ini juga melibatkan latihan dan bimbingan kepada pengusaha-pengusaha dan pengasuh-pengasuh taska yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri.

Kedua, **Program Bekalan Air Percuma Sebanyak 20 Meter Padu**, ia membolehkan rakyat negeri Selangor yang mempunyai meter individu dan terus menikmati bekalan air percuma sebanyak 20 meter padu. Kerajaan Pakatan Rakyat berusaha meneruskan program air percuma ini kerana ia ternyata membantu mengurangkan beban kewangan rakyat dan perbelanjaan utiliti yang semakin meningkat. Dalam hal ini, sebanyak RM166.7 juta sudah dibelanjakan untuk dinikmati oleh rakyat Selangor yang bersamaan dengan RM9.8 juta sebulan. Kerajaan Negeri Selangor berusaha supaya keuntungan yang diperolehi daripada penyusunan semula industri air digunakan untuk kepentingan rakyat. Saya menyeru rakyat negeri Selangor untuk menghargai dan menggunakan air dengan cermat di rumah dan pejabat masing-masing kerana sumber alam ini tidak bernilai dan dihadiahkan oleh Allah SWT kepada kita.

Melalui **Program Hadiah Anak Masuk Universiti**, Kerajaan Negeri memberikan wang tunai RM1,000 kepada anak Selangor yang mendapat tempat di Institusi Pengajian Tinggi, tertakluk pada syarat yang ditetapkan dan sehingga 2009, seramai 7,339 pelajar menerima hadiah RM1,000 setiap seorang bagi menampung keperluan kewangan semasa mendaftar di Institusi Pengajian Tinggi. Kerajaan negeri memperuntukkan sebanyak RM8.5 juta untuk Program ini pada tahun 2009 dan memperuntukkan lagi RM7.7 juta bagi tahun 2010.

Keempat, **Skim Mesra Usia Emas** dilancarkan bagi membantu mengurangkan beban kewangan waris warga emas di Selangor untuk memastikan agar setiap warga emas dan orang kelainan upaya (OKU) diberi penghargaan dan penghormatan yang sewajarnya. Sehingga September 2009, seramai 13,342 orang waris menerima faedah skim tersebut. Di samping itu, seramai 114,699 orang setakat ini mendaftarkan diri dalam skim ini termasuk Wilayah Persekutuan dan 104,819 orang di Selangor dan jumlah lebih kurang 44 peratus daripada sasaran iaitu keseluruhan 236,000 warga emas di Selangor. Sebanyak RM15.6 juta dibelanjakan sehingga September 2009.

Kerajaan negeri Selangor memasuki **fasa kedua** pelaksanaan skim ini kepada program kesedaran keselamatan dan perlindungan untuk anak-anak selepas menerima maklum balas

daripada orang ramai untuk meneruskan program ini. Kad keahlian pelbagai guna diberikan kepada semua warga emas dan OKU yang berdaftar bagi memudahkan penyaluran manfaat kepada mereka yang layak dan pemantauan dapat dilakukan dengan berkesan.

Dalam MES fasa kedua ini, antara cadangan lain yang bakal ditawar termasuk Manfaat Kesihatan, Makanan, Diskaun tertentu dan Kad keahlian.

Kelima, bagi pelaksanaan program MES seterusnya, Kerajaan Negeri menubuhkan syarikat Kumpulan Semesta Sdn Bhd menjalankan **Program Meningkatkan Hasil Batuan** dan Mineral. Sehingga 21 Oktober 2009, hasil daripada royalti pasir yang dijelaskan oleh KSSB kepada Pejabat Tanah dan Galian melebihi RM 4,678,021.84 berbanding dengan jumlah yang diterima pada 2008 hanya RM735,000. Ia tidak termasuk keuntungan yang dihasilkan oleh syarikat-syarikat itu sendiri.

Keenam, program **Pusat Khidmat Krisis Sehenti (OSCC)**, yang di mana 6 buah Pusat Khidmat Krisis Sehenti diwujudkan iaitu di Hospital Ampang, Hospital Serdang, Hospital Selayang, Hospital Sungai Buloh, Hospital Klang dan Hospital Kajang.

Sebanyak 37 kawasan Dewan Negeri, atau bersamaan 62.28% sudahpun melaksanakan program seminar Pusat Khidmat Krisis Sehenti di DUN masing-masing. Purata kehadiran sekitar 88.47% di setiap DUN. Melalui maklum balas yang diterima, lebih 90% peserta sama ada tidak pernah mendengar atau mengetahui tentang kewujudan Pusat Khidmat Krisis Sehenti serta peranan khidmat yang boleh didapati walaupun dilancarkan oleh Kerajaan Persekutuan pada tahun 1996. Seminar Pusat Khidmat Krisis Sehenti ini boleh menyedarkan dan mendidik masyarakat tentang keganasan rumah tangga dan memberikan maklumat undang-undang yang berkaitan secara umum.

Hasil tinjauan orang ramai dan sambutan yang diterima, fasa **kedua OSCC** boleh meneruskan program kesedaran kepada umum di peringkat akar umbi dan memasyarakatkan OSCC. Melalui program ini, maklumat dan pengetahuan dalam menangani keganasan rumah tangga, penderaan kanak-kanak dan gangguan seksual, dapat disalurkan dengan lebih meluas. Program ini merangkumi sokongan padu kepada rumah-rumah perlindungan wanita di Selangor yang meliputi bantuan prasarana, pasukan pengurusan, kaunselor dan bantuan guaman bagi menangani kes seperti perlindungan dan **pembelaan kepada wanita di mahkamah**. Usaha menyelesaikan kes-kes yang banyak tertangguh di mahkamah-mahkamah hendak disusuli dengan tindakan-tindakan yang wajar agar wanita mendapat pembelaan yang adil dan saksama.

Ketujuh, **Program Tabung Pendidikan Anak-anak Pekerja Ladang** diwujudkan bertujuan memberi bantuan kewangan kepada anak-anak pekerja ladang untuk menyambung pelajaran dalam kursus kemahiran teknikal di INPENS. Sehingga September 2009, seramai 130 orang anak pekerja ladang melanjutkan pelajaran di INPENS dengan bantuan skim Tabung Anak-anak Pekerja Ladang. Bagi Tahun 2010, peruntukan sebanyak RM2 juta sudah diluluskan.

Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat;

Pada **fasa kedua program** merakyatkan ekonomi Selangor yang bermula pada tahun 2009, Kerajaan Negeri melaksanakan pemberian cuti bersalin selama 90 hari, cuti 14 hari kepada suami yang isterinya bersalin, dan cuti sebulan kepada wanita yang kematian suami. Kerajaan Negeri juga melaksanakan program bantuan, bimbingan perniagaan kepada belia dan peniaga muda dan latihan keusahawanan di seluruh negeri Selangor.

**Fasa ketiga dan keempat** program merakyatkan ekonomi Selangor masih dalam peringkat kajian dan antaranya bantuan anak ke nurseri, bantuan anak prasekolah, bantuan mendirikan rumah tangga, elaun ibu tunggal, elaun suri rumah dan bantuan memiliki perniagaan.

Pada tahun 2009, peruntukan Program Merakyatkan Ekonomi Selangor berjumlah RM56 juta, iaitu program Tabung Warisan Anak Selangor, Hadiah Anak Masuk Universiti, Pusat Khidmat Krisis Sehenti dan Skim Mesra Usia Emas. Walau bagaimanapun, keperluan sebenar hanya berjumlah RM33,868,522.65.

Pada tahun 2010 pula, bajet yang diperuntukkan bagi Program Hadiah Anak Masuk Universiti dalam agenda Merakyatkan Ekonomi Selangor berjumlah RM7.7 juta. Perbezaan bajet antara tahun 2009 dan 2010 berikutan Program Merakyatkan Ekonomi Selangor Fasa 3 seperti Program Caruman Takaful Anak Yatim, Bantuan Anak ke Nurseri, Bantuan Mendirikan Rumah Tangga, Bantuan Anak Prasekolah, Elaun Ibu Tunggal, Elaun Khas Suri Rumah dan Bantuan Memiliki Kediaman sekarang dalam kajian.

Di samping itu, program Tabung Warisan Anak Selangor dan Skim Mesra Usia Emas, peruntukan tidak disediakan untuk tahun 2010 memandangkan peruntukan tersebut sudah pun kita salurkan ke dalam *Special Purpose Vehicle* dan akaun amanah masing-masing pada tahun 2009 untuk keperluan tahun 2010.

Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat;

#### **IV. Pembangunan moden dan lestari**

Kerajaan Pakatan Rakyat di negeri Selangor mengamalkan **falsafah ekonomi sosial-demokratik** dengan matlamat merangsangkan ekonomi melalui pelaburan. Sistem kapitalisme ini hanya patut dilaksanakan dengan penuh keprihatinan terhadap rakyat melalui program kebijakan dan jaringan keselamatan sosial yang tertentu. Pembangunan ekonomi tidak seharusnya menguntungkan pihak berkepentingan sahaja sebagaimana yang sering berlaku dahulu, tetapi sewajarnya menguntungkan semua pihak.

Sistem kapitalisme yang dipraktikkan oleh kerajaan Barisan Nasional lebih **menguntungkan individu-individu tertentu** daripada anak-anak syarikat dengan menggunakan alasan "penswastaan." Penswastaan sepertinya membawa kepada peningkatan produktiviti dan pengurangan kos perkhidmatan kepada rakyat. Tetapi sebaliknya, penswastaan Barisan Nasional hanya membolehkan duit rakyat dilesapkan secara besar-besaran oleh kroni-kroni mereka (tepk). Pihak konsesi yang dipilih berasaskan sistem kroni bukan secara tender terbuka ini mendapat keuntungan besar menerusi pelbagai projek dan meningkatkan pula kos perkhidmatan.

Pembangunan komersial di negeri Selangor seharusnya memastikan bahawa sumber-sumber dan aset-aset negeri tidak disalahgunakan tetapi dimaksimumkan untuk manfaat rakyat. Kerajaan Negeri Selangor dijangka mengutamakan dua strategi, iaitu memastikan kebijakan rakyat terus terjamin melalui program Merakyatkan Ekonomi Selangor dan mempergiat aktiviti rangsangan ekonomi yang bakal meningkatkan ekonomi negeri dengan jelas.

Oleh itu, dalam usaha merangsang ekonomi negeri, Kerajaan Negeri Selangor mengambil inisiatif untuk melaksanakan enam (6) bidang melalui **Pakej Rangsangan Ekonomi Negeri Selangor**, iaitu:

- i. Pemulihan dan pembersihan Sungai Klang;
- ii. Pembangunan semula projek perumahan yang terbengkalai;
- iii. Pembaharuan aktiviti di bandar melalui pembangunan semula kawasan terbiar di Petaling Jaya dan Klang;
- iv. Peningkatan hasil tanaman padi;
- v. Perluasan sistem pengangkutan; dan
- vi. Penstrukturkan semula industri air Selangor.

Pakej rangsangan ekonomi ini melibatkan pelaksanaan projek secara Inisiatif Pembiayaan Swasta, atau *Private Funding Initiative (PFI)* yang dijangka menarik pelaburan melebihi RM50 ribu juta dari dalam dan luar negeri serta bakal menyediakan lebih 150,000 peluang pekerjaan kepada rakyat Selangor dan Malaysia. Pelaksanaan pakej rangsangan ini bakal memenuhi kesemua enam strategi bajet 2010 negeri Selangor.

**Projek Pemuliharaan dan Pembangunan Sungai Klang** merupakan projek kerajaan negeri dengan konsep PFI (*Private Funding Initiative*) untuk menjadikan Sungai Klang tunjang pembangunan negeri Selangor. Kerajaan negeri berhasrat mengembalikan kegemilangan Sungai Klang sebagaimana fungsinya 100 tahun dahulu iaitu apabila jajaran sungai sepanjang 120 km merupakan pusat perdagangan, komersial, ekonomi serta pembangunan sosial.

Bagi mencapai matlamat ini, Kerajaan Negeri berusaha untuk melaksanakan strategi serampang tiga mata, iaitu:

- (i) Pemuliharaan Sungai Klang dan menggunakan sepenuhnya sumber sungai untuk pembangunan ekonomi dan masyarakat;
- (ii) Membangunkan kawasan-kawasan berpotensi di sepanjang Sungai Klang dengan konsep lestari, mesra alam dan membawa nilai tinggi;
- (iii) Membangunkan sistem rangkaian pengangkutan air untuk tujuan komersial terutamanya pelancongan.

Projek ini dijangka memberi manfaat yang besar kepada penduduk melalui peningkatan kualiti hidup. Pembangunan yang dirancang oleh Kerajaan Negeri di sepanjang jajaran Sungai Klang boleh menggalakkan perkembangan aktiviti-aktiviti sosial, kebudayaan, penghargaan seni dan warisan, pembangunan sukan dan kecintaan alam sekitar untuk merangsang perkembangan sosial penduduk negeri Selangor kepada tahap yang lebih tinggi.

Kerajaan Negeri kini sudah memulakan kerja pemuliharaan sungai dengan mewartakan 50 meter zon penampaian (*buffer zone*) dari kiri dan kanan sungai sebagai rizab sungai. Beberapa syarikat domestik dan antarabangsa sudah menghantar cadangan mereka untuk membangunkan semula Sungai Klang. Kerja tinjauan guna tanah sedang rancak dilakukan secara berterusan di sepanjang di samping penyediaan draf pelan pembangunan Sungai Klang dan kempen kesedaran dalam kalangan masyarakat.

Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat,

**Pembangunan semula projek-projek perumahan yang terbengkalai** dianggarkan berjumlah RM5 ribu juta yang bertujuan membaik pulih dan memodenkan perumahan kos rendah di

samping menjana ekonomi dengan mewujudkan peluang pekerjaan. Strategi ini mengambil kira dua elemen, iaitu memantapkan pembangunan negeri melalui program membaik pulih rumah yang sekali gus memberi peluang pekerjaan.

Kerajaan Negeri Selangor melalui Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor sedang memantau secara berterusan 144 projek perumahan terbengkalai yang melibatkan 45,449 unit rumah dan mencatatkan nilai pembangunan kasar sebanyak RM7 ribu ke RM9 ribu yang memanfaatkan 200,000 rakyat Selangor.

Satu **badan bertindak Projek Terbengkalai** telah ditubuhkan menerusi Jawatankuasa Tetap Perumahan yang dipengerusikan YB Tuan Iskandar bin Abdul Samad dan diketuai oleh Ahli Dewan Negeri Hulu Kelang YB Tuan Saari Sungib. Menerusi badan bertindak ini, sebanyak 80 projek terbengkalai seperti di Shah Alam, Klang, Selayang, Ampang Jaya dan Kuala Selangor sudah disenaraikan untuk menentukan sama ada berpotensi untuk dibaik pulih atau sebaliknya. Sebanyak 18 projek berjaya menarik minat pemaju dan kontraktor dan kerja tapak sekarang sedang giat dijalankan.

Kerajaan Negeri juga mengadakan perjumpaan dengan pihak-pihak yang terlibat termasuk bank, pemaju, ejen hartanah dan pembeli rumah bagi mendapatkan formula terbaik bagi menyelesaikan projek terbengkalai demi kebaikan bersama. Bagi tahun ini, projek terbengkalai yang besar iaitu di Bukit Botak dan Bukit Cherakah diberi keutamaan.

Kerajaan Negeri Selangor amat prihatin juga terhadap keselesaan penduduk di **kawasan perumahan kos rendah**. Kerajaan Negeri bersama-sama anak Syarikat Kerajaan Negeri seperti PKNS, cuba melaksanakan program untuk meningkatkan keselesaan penduduk dengan memberi perhatian terhadap penyelenggaraan lif dan infrastruktur lain serta penyediaan kemudahan komuniti.

Kerajaan Negeri berhasrat agar seluruh rakyat menikmati kediaman yang selesa dan mampu milik. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri ada menerima tawaran beberapa pemaju untuk memperkenalkan rumah mampu milik yang lebih luas, selesa daripada rumah kos rendah yang sedia ada.

**Projek pembaharuan bandar** merupakan inisiatif Kerajaan Negeri untuk menyelesaikan masalah akibat perbandaran yang pesat tetapi kurang terancang. Bayangkanlah bandar-bandar di negeri Selangor yang moden, lestari, hijau, dan tidak sesak seperti sekarang. Antara masalah yang timbul di Selangor termasuk kawasan perumahan yang usang, kesesakan dan keadaan hidup yang tidak kondusif terutamanya di kawasan setinggan dan penempatan semula setinggan yang membawa kepada peningkatan masalah sosioekonomi dan jenayah.

**Konsep pembaharuan bandar terancang** merupakan konsep baharu di Malaysia yang melibatkan beberapa tindakan pembaharuan yang dilaksanakan untuk mencetus proses rangsangan terhadap kawasan yang dipilih. Konsep tersebut oleh membawa hasil dengan kewujudan bandar yang lebih tersusun dan meningkatkan kualiti hidup penduduk. Pembaharuan bandar yang tersusun, secara langsung mampu mencambahkan inovasi dalam bidang perancangan bandar dan seni bina. Contohnya, antara lain pembinaan bangunan mesra alam dan menjimatkan tenaga, penyediaan sistem rangkaian pengangkutan awam yang cekap, mewujudkan ruang kepada orang awam untuk menjalankan aktiviti seni dan sukan, dan perancangan kejiraninan yang mampu mengurangkan jenayah.

Bagi merealisasikan usaha ini, **beberapa bandar yang berpotensi** untuk dibangunkan semula sudah dikenal pasti oleh Kerajaan Negeri dan beberapa siri pembentangan dan pelan perbandaran sudah dilakukan oleh pihak perancang yang terpilih. Daripada siri pembentangan tersebut, Kerajaan Negeri bersetuju melantik *master planner* bagi melaksanakan projek-projek yang dipersetujui.

Projek yang keempat seperti yang dinyatakan tadi ialah **peningkatan hasil padi** hasil tanam padi. Pelan 5 tahun (2009 – 2013) ini bertujuan melipatgandakan pengeluaran hasil padi di kawasan barat daya negeri Selangor. Purata pengeluaran semusim pada masa ini ialah 5.3 tan metrik/ per hektar dan objektif program padi untuk melipatgandakan pengeluaran hasil padi bagi mencapai tahap seperti kawasan Sekinchan dengan pengeluaran melebihi 7.5 tan metrik/ per hektar. Program ini dijangka berjaya meningkatkan hasil padi kepada 140,000 tan metrik berbanding kepada 110,000 tan metrik sekarang. Pendapatan per kapita petani dijangka bertambah dari RM14,475 semusim kepada RM20,475 semusim yang pastinya memberi manfaat kepada 9,322 petani.

Projek kelima, adalah meningkatkan kemudahan infrastruktur terutamanya **sistem pengangkutan awam**. Sebagaimana yang kita sedia maklum Lembah Klang ini mengalami kesesakan jalan raya yang kritikal sehingga pengguna jalan raya terpaksa menghabiskan banyak masa di atas jalan raya. Dalam hal ini, Kerajaan Negeri mensasarkan supaya nisbah penggunaan kereta individu berbanding dengan sistem pengangkutan awam dikurangkan pada nisbah 90:10 antara yang menggunakan kereta sendiri dengan yang menggunakan pengangkutan awam sekarang kepada nisbah 50:50. Saya sudah membincangkan perkara ini bersama Menteri Pengangkutan dan menyerahkan “*Wish List*” Rakyat Selangor kepada beliau. Ia mengandungi cadangan penubuhan sebuah **Lembaga Pengangkutan Klang Valley (Klang Valley Transport Council)** bagi mengatasi masalah ini. Lembaga ini berperanan menyelaraskan proses-proses pemantauan, perancangan dan penguatkuasaan pengangkutan awam di Lembah Klang. Saya juga membangkitkan.....

**TUAN SPEAKER:** Yang Amat Berhormat, sila bawa usul dan terima kasih.

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Tuan Speaker, dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya ingin membawa satu usul yang berbunyi seperti berikut:

Bahwasanya Dewan yang sedang bersidang hari ini mengikut syarat perenggan 11 dalam peraturan tetap Dewan Negeri Selangor, hendaklah menyambung persidangannya sehingga ucapan Bajet 2010 selesai dibahaskan.

**YB PUAN TERESA KOK SUH SIM:** Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat; Usul ini sudah disokong. Sekarang saya kemukakan usul ini untuk mendapatkan persetujuan. Ahli-ahli Yang Berhormat: yang bersetuju, sila katakan, ya. Ahli-ahli Yang Berhormat, yang tidak bersetuju, sila katakan, tidak. Dipersetujui. Silakan, Yang Amat Berhormat....

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Tuan Speaker, terima kasih, saya juga membangkitkan beberapa isu termasuk cadangan memperluaskan jaringan pengangkutan LRT bagi kegunaan orang ramai. Ia merangkumi aset penyelaras, jaringan pengangkutan berintegrasi dan seterusnya memberi kuasa kepada Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan untuk menjalankan operasi tersebut kerana Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan lebih memahami keadaan dan permasalahan yang wujud. Saya tidak lupa membangkitkan isu

pelaksanaan sistem pengangkutan bas awam seperti *Bus Rapid Transit* (BRT), perlunya pewujudan sistem pengangkutan bas komuniti dan penambahbaikan infrastruktur sokongan seperti laluan pejalan kaki (*pedestrian walk*) di negeri Selangor.

**Manakala projek yang terakhir pula ialah penstrukturkan semula industri air** di Selangor. Saya ingin memaklumkan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini, perbincangan masih diteruskan dengan semua pihak dan saya berharap ia diselesaikan pada penghujung tahun ini walaupun ada kelengahan daripada pihak Persekutuan. Saya berharap supaya polisi nasional berdasarkan Industri Akta Perkhidmatan Air 2006 dipatuhi bagi menjamin pelaksanaan industri air di seluruh negeri Selangor dibuat secara holistik. Nilai penstrukturkan yang dibayar kepada syarikat-syarikat air perlulah munasabah dan adil kerana nilai yang tinggi boleh memberi implikasi yang besar kepada kenaikan tarif. Tambahan pula perkara ini bertentangan dengan hasrat Kerajaan Negeri untuk mengembalikan hak air kepada rakyat dengan tidak membebankan langsung rakyat daripada segi tarif air. Matlamat kita untuk memastikan rakyat dapat menikmati air yang berkualiti, bersih dan pada harga yang berpatutan.

Tuan Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat;

Seterusnya bagi merancakkan sektor ekonomi Selangor, saya juga ingin menyentuh sektor **pelancongan**. Ia merupakan sektor yang menjadi penggerak (*catalyst*) kepada ekonomi negeri Selangor. Justeru itu, Kerajaan Negeri Selangor sudah mengorak langkah dengan memberi tumpuan pada sektor pelancongan yang dapat menjana pendapatan negeri, dan menawarkan peluang pekerjaan kepada rakyat Negeri Selangor.

Tourism Selangor Sdn Bhd (TSSB), sebuah anak syarikat Kerajaan Negeri dalam MBI diberi tanggungjawab untuk menerajui sektor pelancongan di negeri Selangor. Pelbagai **siri promosi pelancongan** dari dalam dan luar negeri ada dilaksanakan dalam kelolaan Tourism Selangor. Selain itu, promosi turut diadakan secara meluas supaya negeri Selangor muncul sebagai negeri yang terkenal dengan produk dan destinasi pelancongan yang unggul menjadi pilihan utama pelancong.

Perancangan juga diatur rapi bagi memastikan kedatangan pelancong yang berterusan melalui persediaan **prasarana dan kemudahan untuk pelancong**. Sehingga Ogos 2009, negeri Selangor menerima kedatangan 3.7 juta orang pelancong dengan anggaran pendapatan RM2.6 juta. Jumlah pendapatan ini meningkat sebanyak 0.1% berbanding pendapatan yang dicatatkan pada masa yang sama pada 2008.

Sasaran utama adalah pelancong daripada **negara jiran** seperti Singapura, Indonesia, Thailand dan China, yang terbukti mencatatkan bilangan pelancong setiap tahun. Tourism Selangor turut mengkaji pasaran untuk menarik lebih ramai pelancong daripada beberapa negara lain seperti India dan negara-negara Timur Tengah. Pelbagai pakej menarik dengan harga yang berpatutan disediakan oleh Tourism Selangor untuk ditawarkan kepada para pelancong.

Bagi memastikan komitmen semua pihak yang terlibat di sektor pelancongan di negeri Selangor, Kerajaan negeri bakal melancarkan kempen '**Melawat Negeri Selangor pada 2010**' yang bertemakan 'Selangor Shines' dengan peruntukan sebanyak RM8 juta bagi program promosi dan penganjuran acara berkaitan.

Bagi memastikan pembangunan negeri Selangor yang holistik dan mampan, pemeliharaan alam sekitar turut diberikan perhatian dalam Bajet 2010. Berdasarkan COP15, persidangan Pertubuhan Bangsa Bersatu (PBB) berhubung **perubahan iklim** di Copenhagen, Denmark

yang bakal diadakan pada Disember ini, negeri Selangor boleh berganding bahu bersama masyarakat antarabangsa untuk menangani isu-isu perubahan iklim melalui inisiatif Kerajaan Negeri, iaitu "Selangor Hijau" yang menjadi dasar Alam Sekitar Selangor. Sebanyak RM0.3 juta diperuntukkan bagi tahun 2010 untuk melaksanakan program alam sekitar.

Impian Kerajaan Negeri bukan hanya sekadar pada pemuliharaan dan pemeliharaan semata-mata, ia merangkumi pembangunan, pendidikan, perusahaan dan pemilikan harta. Visi negeri Selangor menuju "bangunan hijau" atau "green buildings," yang dilaksanakan melalui sokongan terhadap Green Building Index (GBI). Kita juga mementingkan industri yang bersih, inovatif dan hijau, dengan menambah keluasan hutan bakau dan tapak hijau yang lain. Selain itu, Kerajaan Negeri turut menekankan pendidikan teknologi hijau dan isu-isu alam sekitar serta berharap untuk mengurangkan pergantungan pada ekonomi yang berasaskan industri yang menghasilkan karbon yang berlebihan.

Pada tahun hadapan, Kerajaan Negeri memperkenalkan moratorium 25 tahun terhadap pembalakan hutan dan bakau simpanan. Ia demikian kerana kita sudah terlalu lama melihat hutan dan bakau daripada aspek keuntungan melalui aktiviti pembalakan semata-mata. Sebaliknya, kita terlupa betapa hutan merupakan sumber oksigen dan air untuk kita meneruskan hidup.

Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat;

Sesuai dengan taraf Selangor sebagai negeri yang maju, Kerajaan Negeri ada merangka strategi jangka panjang dalam usaha membudayakan Sains, Teknologi & Inovasi (STI) dalam kalangan rakyat dan seterusnya dapat mengembangkan bidang tersebut dalam sektor pendidikan, perindustrian dan perniagaan. Program sains dan teknologi mampu mengurangkan jurang sosioekonomi dan jurang digital ICT dalam kalangan rakyat negeri Selangor. Seterusnya, ia mampu memberi peluang ruang penghayatan STI untuk diterapkan dalam kehidupan harian mereka.

Selain itu, bagi meningkatkan minat pemahaman dan pembelajaran dan penggunaan sains dan teknologi, satu kaedah yang lebih praktikal atau *hands on* bakal diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri dan mengambil pendekatan "*reach the people*" menggunakan kaedah *mobile* yang bakal diperkenalkan pada tahun 2010 iaitu program "Selangor Mobile Innovation Lab Express" atau ringkasnya, *SMILE*.

Kerajaan Negeri turut memandang serius untuk mengurangkan jurang digital dalam kalangan rakyat Negeri Selangor. Sehubungan itu, diwujudkan projek Pusat Siber Rakyat (PSR) yang diintegrasikan dengan perpustakaan berobjektifkan pengembangan dan pembangunan penggabungan konsep ilmu, maklumat dan pengetahuan dengan menggunakan medium digital serta buku-buku yang berbentuk fizikal. Program ICT ini mendapat peruntukan sebanyak RM9 juta bagi tahun 2010.

Kerajaan Negeri ada menerima beberapa cadangan untuk meningkatkan perkhidmatan internet jalur lebar tanpa wayar (*wireless broadband*) di negeri Selangor. Antara cadangan yang diterima untuk tujuan ini adalah "Ubiquitous Wireless" atau secara ringkasnya, Agenda U-WISEL.

Sehingga ini Kerajaan Negeri memberi kebenaran kepada sebuah syarikat swasta secara PFI *Private Funding Initiatif* untuk membangunkan projek "Hybrid Wireless Infrastructure Network (HyWIN)". Projek ini dijangka memberikan perkhidmatan capaian internet jalur lebar

tanpa wayar dengan kos capaian yang amat ekonomi. Projek ini dijangka dapat memberikan rangkaian liputan ke seluruh negeri Selangor menjelang tahun 2015.

Apabila kita menyebut perancangan strategik yang mampan untuk negeri Selangor, isu tenaga menjadi nadi terhadap semua aktiviti harian kita. Dengan menyedari peningkatan pemintaan untuk tenaga bagi membangunkan dan memajukan negeri dan negara serta kenaikan harga minyak yang tidak menentu, Kerajaan Negeri sedang berusaha mencari **tenaga alternatif atau tenaga yang boleh diperbaharui** (*alternative and renewable energy*) seperti tenaga solar, *Biomass*, *Geothermal*, kuasa hidro dan angin. Sumber tenaga alternatif ini boleh dibangunkan secara aktif untuk mengurangkan kebergantungan kepada bahan api fosil yang tidak boleh diperbaharui.

Bertitik tolak daripada kesedaran itu, Kerajaan Negeri ada membincangkan isu-isu tenaga melalui penganjuran **"Selangor Conference On Alternative And Renewable Energy 2009 (SeICARE'09)** yang bertujuan mengenal pasti peluang dan cabaran yang wujud serta kesan dan kaedah terhadap persekitaran dan masyarakat dalam usaha membangunkan sumber tenaga alternatif dan sumber tenaga yang boleh diperbaharui;

Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat,

## V. Memperkasakan Rakyat Selangor

Bagi memperkasa rakyat Selangor, Kerajaan Negeri memperuntukkan sejumlah RM38.5 juta dalam Bajet 2010 bagi **Pembangunan Modal Insan**. Peruntukan ini meliputi program latihan, program peningkatan latihan dan penyediaan prasarana latihan, termasuk **program SPIES: "Spiritual, "Physical", Intelektual, Emosional dan Sosial"**.

Dalam usaha untuk Melestarikan Kehidupan Rakyat Demi Kesejahteraan Hubungan Dengan Tuhan, Manusia Alam Sekitar, perancangan dan pembangunan Hala Tuju Negeri Selangor dirancang dan dibentuk berdasarkan wawasan, pemikiran serta usaha yang bermatlamatkan pendekatan yang lebih komprehensif dan holistik.

Kerajaan Negeri amat prihatin dan memberi perhatian yang serius terhadap **taraf sosio ekonomi orang Asli** di negeri Selangor. Sekarang mereka seolah-olahnya tidak dibela oleh Kerajaan sebelum ini. Isu tanah pusaka Orang Asli merupakan isu pokok kepada masyarakat yang semakin lama diketepikan oleh pentadbiran Kerajaan Negeri yang lalu. Pada tahun ini, Kerajaan Negeri menjalankan kajian yang mendalam berhubung kesediaan Kerajaan Negeri untuk memberi tanah yang sah kepada Orang Asli yang berhak memiliki pada tahun 2010. Untuk itu, Kerajaan negeri sudah pun membentuk Badan Bertindak Tanah Orang Asli yang diketuai oleh wakil-wakil Orang Asli sendiri, iaitu suatu jawatankuasa unik dan tidak pernah ditubuhkan oleh Kerajaan Barisan Nasional sebelum ini. Objektif Badan Bertindak ini untuk memastikan yang masalah tanah yang dihadapi oleh Orang Asli diselesaikan melalui perbincangan dengan Kerajaan Negeri.

Untuk mencapai matlamat ini, Kerajaan Negeri Selangor menyediakan sebanyak RM500 ribu untuk menjalankan dua projek perintis ujian bagi **menaik taraf hidup kumpulan Orang Asli termiskin**. Sehingga hari ini, masih banyak terdapat kampung-kampung Orang Asli yang tidak mendapat bekalan elektrik, air minum bersih, dan jalan raya yang dananya gagal disediakan Jabatan Orang Asli Hal Ehwal Orang Asli dalam Kerajaan Persekutuan sebelum ini. Untuk itu, Kerajaan Negeri merancang untuk memastikan pembangunan sosial dan ekonomik yang bersepadu, melalui program-program pendidikan golongan dewasa, skim pinjaman secara

kecil-kecilan, dan program membangunkan diri. Kesemua program tersebut bermatlamatkan untuk membolehkan Orang Asli berdikari demi menentukan masa hadapan mereka sendiri.

Strategi ketiga bagi Memperkasa Rakyat Selangor adalah memperkasa golongan wanita dengan memfokuskan pada menjana ekonomi wanita dan meningkatkan kepimpinan wanita dalam proses membuat keputusan. Wanita dalam konteks ini termasuk ibu tunggal, suri rumah, graduan wanita, wanita dalam industri dan wanita terpinggir. Untuk itu, sebanyak RM1 juta diperuntukkan bagi program memperkasa wanita dan keluarga pada tahun 2010.

Selari dengan polisi “Dari kebajikan kepada berdikari” (*from welfare to workfare*), golongan ibu tunggal hendak dibantu dan diberi peluang menceburi bidang pekerjaan dan perniagaan dengan bimbingan khusus oleh agensi Kerajaan Negeri. Selain itu, Golongan wanita yang terdiri daripada golongan pekerja kurang mahir dan berpendapatan rendah, serta wanita terpinggir, turut diberi peluang yang sama oleh Kerajaan Pakatan Rakyat

Bajet 2010 Kerajaan Pakatan Rakyat Selangor ini tidak sekali-kali meminggirkan **Golongan suri rumah** sebaliknya Kerajaan Negeri memastikan golongan ini mendapat pendapatan bulanan sekurang-kurangnya RM1,500. Selain itu, bagi menjana ekonomi wanita, Kerajaan Negeri juga memberi fokus terhadap graduan wanita yang berminat dalam bidang usahawan untuk diberi bimbingan secara mentor-mentee.

Salah satu langkah bagi memperkasakan wanita adalah menjadikan **Pusat Komuniti Wanita** di setiap Dewan Undangan Negeri sebagai pusat aktiviti bagi menjana ekonomi setempat. Pusat-pusat ini diharapkan menjadi tempat wanita berkumpul, berkongsi pengalaman serta kemahiran, dan seterusnya sumber aspirasi kepada golongan yang memerlukan.

Kerajaan Negeri bakal terus memberi perhatian yang khusus kepada **Golongan ibu tunggal**. Ini demikian, kerana Kerajaan tidak mahu golongan ini hanyut dalam arus pembangunan disebabkan taraf hidup yang kian berubah dari semasa ke semasa. Bimbingan yang menyeluruh kepada golongan ibu tunggal perlu diberi penekanan supaya mereka dapat menjalani hidup sama seperti warga Selangor yang lain. Dalam hal ini, Kerajaan Negeri berazam untuk membantu golongan ibu tunggal supaya menjana pendapatan sendiri melalui kursus-kursus kemahiran seperti jahitan dan masakan.

Seterusnya, bagi meningkatkan kepimpinan wanita dalam proses membuat keputusan, Kerajaan Negeri akan menetapkan sasaran sekurang-kurangnya 30% perjawatan tertinggi dalam pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor diisi dengan wanita-wanita yang berkelayakan. Penetapan ini adalah selaras dengan Dasar Wanita Negara, Pelan Tindakan Pembangunan Wanita 2009, Sasaran Pembangunan Millennium (*Millennium Development Goals*).

Usaha lebih giat perlu dilaksanakan bagi mewujudkan barisan kepimpinan wanita yang memiliki jati diri yang dinamik, berdaya saing, berperikemanusiaan, berilmu, dan berketerampilan hingga ke akar umbi. Latihan dan bimbingan kepimpinan wanita wajar diperhebatkan agar ia berkesan dan dirasai secara menyeluruh oleh pelbagai peringkat masyarakat.

Golongan sasaran keempat dalam usaha Memperkasa Rakyat Selangor adalah golongan Orang Kelainan Upaya (OKU). Untuk itu Kerajaan Negeri komited terhadap pelaksanaan program **Selangor Ke Arah Bebas Halangan OKU** yang dimulakan dengan satu seminar pertengahan Jun yang lalu. Semua PBT di negeri Selangor dikehendaki menyediakan kemudahan kepada OKU untuk membolehkan mereka berurus dengan mudah dan sempurna di setiap kawasan Pihak Berkuasa Tempatan. Satu seminar juga diadakan pada pertengahan

Jun 2009 yang lalu dan daripada seminar tersebut didapati PBT kini peka dan prihatin terhadap keperluan golongan OKU bagi menjalani dan menguruskan kehidupan harian tanpa halangan sebagaimana masyarakat biasa.

Daripada seminar tersebut juga, kesemua PBT bersetuju menuju jawatankuasa yang memantau penyediaan kemudahan infrastruktur yang mesra OKU bukan sahaja di bangunan-bangunan kerajaan, bahkan di bangunan-bangunan komersial. Antara kemudahan OKU yang perlu disediakan termasuk *ramp* untuk pengguna kerusi roda, *handrail*, laluan bertekstur, lintasan pejalan kaki, laluan pejalan kaki, tempat letak kereta khas, dan tandas OKU bagi memastikan golongan ini dapat menjalani tugas harian mereka seperti orang awam yang lain.

Langkah kedua bagi Memperkasakan Rakyat Selangor adalah melalui program **pendidikan yang sempurna kerana pendidikan yang sempurna** mampu meningkatkan potensi keluarga dengan ketara. Sehubungan itu, pelajar-pelajar sekolah menengah dan mereka yang tercicir akibat kemiskinan tetapi berminat untuk mengikuti kursus kemahiran teknikal seperti kursus mekanik, kenderaan motor, kursus juruteknik elektrik, dan kursus pelukis pelan, diberi peluang melanjutkan pelajaran di Kolej Antarabangsa INPENS bagi mengikuti **Program Kemahiran Teknikal** di peringkat sijil. Sebanyak RM2 juta diperuntukkan pada tahun 2010 untuk menguruskan program ini.

Modul program pendidikan yang dirangka dijangka mampu memberi peluang pekerjaan selepas mereka menamatkan pelajaran kelak. Selain kursus-kursus berbentuk akademik ini, **kursus motivasi** diberikan kepada pelajar yang tercicir. Kursus motivasi tersebut bertujuan membantu pelajar mengubah paradigma minda agar menjadi seorang yang berjaya dan dapat meningkatkan motivasi diri untuk lebih berwawasan.

Penumpuan juga diberikan terhadap warga miskin yang masih **berpotensi untuk menambahkan pendapatan**. Mereka terus dibantu daripada segi penganjuran kursus-kursus kemahiran, bantuan berbentuk peralatan, dan bantuan bagi projek-projek pertanian.

Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat;

## **VI. Membasmi Kemiskinan Di Semua Lapisan Masyarakat**

**Program “Blue Print” Pembasmian Kemiskinan Negeri Selangor** kini memasuki tahun terakhir pelaksanaannya. Program ini sedang dikaji untuk meneruskan kesesuaiananya dengan keperluan situasi Selangor sekarang. Ketua isi rumah yang tergolong dalam golongan miskin dan mempunyai kemahiran tertentu hendak dibantu bagi mendapat peralatan mesin dan alatan yang berkaitan. Usaha ini diharapkan dapat meningkatkan pendapatan sekeluarga. Bagi tujuan ini, Kerajaan Negeri bersetuju memperuntukkan RM1 juta untuk memastikan kesinambungan program ini, boleh memperkasa mereka untuk meningkatkan pendapatan. Peruntukan sebanyak RM1 juta disediakan untuk kesinambungan program ini.

Kerajaan Negeri turut menetapkan **Garis Kemiskinan bagi pendapatan isi rumah bagi negeri Selangor iaitu pada kadar RM1500 sebulan**. Dianggarkan sebanyak 30 peratus penduduk Selangor tergolong dalam kelompok ini. Bagi memastikan program pembasmian kemiskinan terus relevan, kerjasama dan sokongan daripada semua lapisan jentera pelaksana, agensi pemberi bantuan sangat diperlukan terutama usaha mengenal pasti warga yang tergolong dalam kelompok ini. Ia merupakan peluang kerana bantuan-bantuan dapat terus disalurkan kepada mereka yang dikenal pasti.

Kerajaan Negeri Selangor berazam untuk terus berusaha menangani faktor-faktor ketidakseimbangan yang mengakibatkan berlaku **kemiskinan relatif di kawasan bandar dan luar bandar**. Dalam perkara ini, Kerajaan mewujudkan Pelan Tindakan Pembasmian Kemiskinan yang memberi fokus terhadap beberapa aspek peningkatan taraf kehidupan rakyat. Antaranya, memberi penekanan kepada aspek perumahan, pendidikan, peluang pekerjaan dan taraf kesihatan.

Perumahan merupakan elemen keperluan yang terpenting dalam pembinaan sesebuah keluarga. Dalam hal ini, Kerajaan Negeri hendak mengenal pasti mana-mana rumah yang berkeadaan daif supaya dibaik pulih dengan anggaran kos RM7 ribu sebuah dan dibina dengan kos RM30 ribu bagi tiga bilik tidur. Sebanyak RM6 juta diperuntukkan untuk **membina rumah dalam program Kerajaan Prihatin** di seluruh Selangor. Dalam program kos rendah pula, Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak RM1.5 juta bagi tahun 2010.

**Program Kerajaan Prihatin** merupakan program yang masih relevan sehingga hari ini. Program yang dilaksanakan sejak tahun 2001 terbukti memanfaatkan lebih 2,925 warga miskin Selangor dengan pembinaan dan baik pulih rumah yang lebih selesa. Jumlah rumah yang dibina meningkat setiap tahun.

Kerajaan Negeri tidak pernah mengabaikan **pembangunan kampung** baru/kampung tersusun/kampung bagan di negeri Selangor. Kampung baru sudah wujud selama 60 tahun di Malaysia, tetapi sebahagiannya masih mengalami masalah berkaitan infrastruktur dan hak milik tanah. Berbanding dengan pentadbiran lama, kerajaan Pakatan Rakyat ada memperuntukkan sebanyak RM5.4 juta untuk tahun 2010 bagi pembangunan kampung baru/tersusun/bagan. Malangnya, berdasarkan pada rekod yang sedia ada, pentadbiran lama hanya memperuntukkan RM200,000 setahun untuk 78 buah Kampung Baru/kampung Tersusun/Bagan di Selangor. Selain itu, kerajaan negeri bakal membantu penduduk kampung bagi permohonan hak milik tanah ataupun TOL.

Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat,

Sekarang tibaalah masanya saya membentangkan **peruntukan Bajet 2010**.

Bagi merealisasikan strategi dan langkah-langkah yang saya bentangkan sebentar tadi serta selaras dengan konsep bajet berimbang, Kerajaan Negeri memperuntukkan sejumlah **RM1.30 bilion diperuntukkan bagi Bajet 2010**. Jumlah ini merupakan pengurangan RM100 juta atau 7.14% berbanding dengan Bajet 2009 yang berjumlah 1.40 bilion. Dari jumlah Bajet 2010, sebanyak RM709,600,000 ataupun 54.58% diperuntukkan untuk perbelanjaan mengurus sebanyak RM590,400,000 ataupun 45.42% bagi perbelanjaan pembangunan.

Dalam peruntukan mengurus, sejumlah RM271,847,969 ataupun 38.31% bagi Emolumen dan RM310,324,326 iaitu 43.73% bagi Bekalan dan Perkhidmatan. Sebanyak RM4,842,000 atau 0.68% untuk Pembelian Aset, RM121,725,674 ataupun 17.15% bagi Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap dan RM860,031 atau 0.12% bagi Perbelanjaan lain.

Bagi peruntukan pembangunan pula, sejumlah RM76,260,855 atau 12.9% disediakan bagi sektor ekonomi dan RM219,518,465 atau 37.2% bagi sektor sosial. Sejumlah RM286,940,660 atau 48.6% pula diperuntukkan bagi sektor infrastruktur dan RM7,680,020 atau 1.3% bagi sektor perbandaran.

Dianggarkan kutipan hasil cukai bagi tahun 2010 berjumlah RM460,020,000, iaitu berkurangan sebanyak RM2,980,000 ataupun 0.64% berbanding tahun 2009. Hasil bukan cukai sebanyak RM422,679,000, berkurangan sebanyak RM107,321,000 ataupun 20.25% berbanding tahun 2009. Manakala Terimaan bukan hasil sebanyak RM417,301,000, iaitu bertambah sebanyak RM10,301,000 atau 2.53% berbanding tahun 2009. Penurunan jumlah pendapatan negeri Selangor pada tahun ini berpunca daripada kegawatan ekonomi dunia yang memberi kesan terhadap ekonomi Malaysia secara keseluruhannya.

Peruntukan bagi Bajet 2010 dijangka dimanfaatkan oleh **segenap lapisan masyarakat**. Peruntukan yang berkurangan berbanding tahun sebelumnya tidak boleh dijadikan alasan untuk tidak memenuhi keperluan rakyat. Kerajaan Negeri berazam terus berusaha sedaya upaya bagi meneruskan visi Selangor Negeri Idaman, Maju, Sejahtera dan Berkebajikan.

Seterusnya, Kerajaan Negeri ingin memastikan supaya **langkah berjimat cermat dilaksanakan secara berterusan bagi** menerapkan budaya perbelanjaan berhemah dalam urusan pentadbiran negeri. Segala perbelanjaan perlu dibuat mengikut perancangan yang ditetapkan dan perbelanjaan tersebut perlu mengikut prosedur dan peraturan kewangan yang sedang berkuat kuasa.

Sekali lagi saya menegaskan kepada seluruh anggota pentadbiran dan ketua-ketua jabatan tentang betapa pentingnya kita memahami konsep **value for money dalam semua urusan perbelanjaan**. Oleh itu, saya menyeru semua yang berkenaan supaya memahami asas-asas kewangan yang betul bagi memastikan wang rakyat dibelanjakan dengan teratur, berhemah serta mengelakkan pembaziran.

Pada kesempatan ini, saya menasihati jentera pentadbiran Kerajaan Negeri supaya memastikan semua program yang dikenal pasti dalam Bajet 2010 ini **dilaksanakan dengan sempurna** dan mengikut jadual. Untuk itu, saya ada meminta Perbendaharaan Negeri Selangor supaya menjalankan semakan bajet setiap tiga (3) kali setahun untuk menilai semula semua program yang ditetapkan untuk dilaksanakan semua Jawatankuasa Tetap.

Sehubungan ini, Kerajaan Negeri mulai tahun hadapan dijangkakan melaksanakan **sistem ganjaran** berasaskan kepada KPI yang ditetapkan iaitu memberi ganjaran kepada Jawatankuasa Tetap yang berjaya melaksanakan program yang sempurna dan mengikut jadual, dan begitu juga sebaliknya. Diharap semua Jawatankuasa Tetap dapat menunjukkan prestasi yang memberangsangkan dengan mengadakan program-program yang memberi manfaat dan impak positif kepada rakyat.

Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat,

Selaras dengan hasrat Kerajaan Pakatan Rakyat untuk menjadikan anggota penjawat awam sebagai satu kumpulan bersama dengan anggota kepimpinan negeri, maka Kerajaan Negeri bersetuju untuk memberikan bayaran khas kewangan RM500 kepada penjawat awam gred 41 hingga gred 54 dan setaraf dengannya, serta pesara wajib Kerajaan. Sebelum ini ganjaran sama sudah pun diberikan kepada penjawat awam dalam kumpulan sokongan. Diharapkan dengan pemberian yang akan dibayar pada Disember nanti dapat mengurangkan beban kewangan penjawat awam.

Bagi mengakhiri ucapan pembentangan Bajet Tahun 2010 Negeri Selangor ini, saya mengingatkan kepada semua, iaitu: sesungguhnya jalan di hadapan kita masih jauh, terlalu

banyak ranjau dan liku yang tersurat perlu ditempuhi tetapi yakinlah dengan berkat kesabaran dan kesungguhan serta iltizam yang tinggi, kejayaan manis dapat di kecapi.

Justeru itu, saya dan barisan kepemimpinan Kerajaan Negeri menyeru supaya kita semua bersatu, rukun, aman dan makmur dalam negeri yang tercinta ini, Selangor Darul Ehsan. Lupakan segala sengketa atau salah faham antara kita demi pencapaian matlamat menjadikan Selangor Negeri Bersih, Selamat, Lestari, Idaman, Maju, Sejahtera dan Berkebajikan.

Marilah kita berdoa dan berusaha supaya kesemua enam projek utama melalui pakej rangsangan ekonomi yang diperjelaskan di atas tadi berjaya memacu pembangunan ekonomi negeri Selangor demi kebajikan seluruh rakyat.

Saya memohon ke hadrat Ilahi agar mendapat rahmat, petunjuk dan hidayah-Nya bagi saya memimpin negeri Selangor yang tercinta ini, dalam usaha mengekalkan kesejahteraan, menegakkan kebenaran, membezakan dakyah dan kepalsuan, lantas menjadikan Selangor sebuah "*baldatun taiyibatuw warabbun ghafur*", iaitu negeri yang indah dan bahagia serta mendapat keampunan dari Tuhan" (surah Saba, ayat 15).

Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat terus mengamalkan prinsip kerja yang berintegriti dan tetap komited terhadap peningkatan kualiti perkhidmatan awam dan rakyat untuk rakyat. Ini matlamat utama sebuah kerajaan yang berprinsip, berakhhlak, bersih dan bertanggungjawab. Sikap ini terhasrat untuk mengelak daripada perkara-perkara yang dimaklumkan oleh Gandhi sebagai *seven (7) Gejala Sosial*:

- i. Politik tanpa Prinsip (*Politic Without Principle*)
- ii. Kekayaan Tanpa Berusaha (*Wealth Without Work*)
- iii. Keceriaan Tanpa Hati (*Pleasure Without Conscience*)
- iv. Pengetahuan Tanpa Peribadi (*Knowledge Without Character*)
- v. Perdagangan Tanpa Akhlak (*Commerce Without Morality*)
- vi. Ilmu Tanpa Kemanusiaan (*Science Without Humanity*)
- vii. Amal Tanpa Pengorbanan (*Worship Without Sacrifice*)

Begitulah yang dialami oleh rakyat Selangor semasa dalam pentadbiran Kerajaan Barisan Nasional yang dilihat tidak berprinsip. Dengan tsunami politik 2008, Pakatan Rakyat di Negeri Selangor berusaha mereformasi Kerajaan Negeri dengan menjunjung nilai-nilai integriti, telus, prihatin dan bertanggungjawab terhadap rakyat. Amanah yang diberikan oleh rakyat tidak dipandang ringan. Pada masa sama pihak Barisan Nasional masih bergiat dengan usaha jahat mereka untuk menumbangkan Kerajaan Pakatan Rakyat. Namun, mereka harus berfikir lagi kerana pengiktirafan rakyat sebagai tunjang segala dasar kami, dan kami yakin Kerajaan Pakatan Rakyat bakal terus kekal di Selangor.

Semoga kita sentiasa dipelihara Allah Subhanahuwataala yang berada dalam cakupan perlindungannya. Tuan Speaker, Saya mohon mencadangkan.

**YB PUAN TERESA KOK SUH SIM:** Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli YB Sekalian cadangan itu pun telah disokong. Bersesuaian dengan Peraturan Tetap 66 Perenggan Dua (2) sesudah Usul untuk Dibacakan Kali Ke Dua Rang Undang-undang Peruntukan Perbekalan dicadangkan lebih sokong maka perbahasan ke atasnya hendaklah ditangguhkan tidak kurang daripada 1 jam. Oleh itu Perbahasan ke atasnya adalah ditangguhkan dan Dewan akan bersambung semula pada hari esok Hari Rabu 11 November 2009 Jam 10.00 pagi. Dewan ditangguhkan.

( Dewan ditangguhkan pada jam 2.00 petang )